



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA TAHUN 2005



**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



**LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA**

**PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI MELAKA  
TAHUN 2005**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<u>KANDUNGAN</u>	i
<u>KATA PENDAHULUAN</u>	iii
<u>INTI SARI LAPORAN</u>	vii
<b><u>BAHAGIAN I : PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005</u></b>	
<u>Pendahuluan</u>	1
<u>Pengesahan Penyata Kewangan</u>	1
<u>Analisis Terhadap Penyata Kewangan</u>	2
<u>Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK8</u>	14
<u>Rumusan Dan Syor Audit</u>	15
<b><u>BAHAGIAN II : PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI</u></b>	
<u>Pendahuluan</u>	17
<u>Perbendaharaan Negeri</u>	17
<u>Pengurusan Kewangan Pejabat Tanah</u>	36
<u>Pengurusan Kewangan Di Peringkat Jabatan</u>	44
<u>Program Penampilan Audit</u>	52
<u>Program Anak Angkat</u>	55
<b><u>BAHAGIAN III : BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN</u></b>	
<u>Pendahuluan</u>	59
<u>Pengauditan Penyata Kewangan</u>	59
<u>Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan</u>	60
<u>Persijilan Penyata Kewangan</u>	60
<u>Pembentangan Penyata Kewangan</u>	61
<u>Prestasi Kewangan</u>	62
<u>Perbadanan Muzium Melaka         Pengurusan Kewangan</u>	65

**PERKARA** **MUKA SURAT**

**BAHAGIAN IV: PERKARA AM**

<u>Pendahuluan</u>	81
<u>Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004</u>	81
<u>Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai</u>	85
<u>Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Aktiviti Jabatan</u>	85
<u>Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri</u>	85
<b>PENUTUP</b>	87
<b>LAMPIRAN</b>	
I <u>Sijil Ketua Audit Negara</u>	88
II     Lembaran Imbangan, Penyata Akaun Memorandum Dan Penyata <u>Akaun Hasil Disatukan</u>	89

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata kewangan serta pengurusan kewangan kerajaan negeri dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka mendarahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Melaka. Bagi mematuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

**1.1 Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**1.2 Pengauditan Pengurusan Kewangan** - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2005 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2005 melalui 2 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2005, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri dengan turut mengadakan pemeriksaan di Jabatan.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2004 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan. Pada umumnya,

pengurusan kewangan Jabatan Kerajaan Negeri pada tahun 2005 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya.

4. Jabatan Audit Negara telah mengambil beberapa pendekatan baru untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut:

**4.1 Program Anak Angkat.** Pada tahun 2005, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan program anak angkat. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan bahawa Jabatan Audit Negara adalah sebuah jabatan yang bersifat '*fault finder*' – hanya mencari kesalahan kepada sifat '*developmental*'. Melalui program jabatan/agensi negeri telah dipilih untuk diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi memantapkan lagi tahap pengurusan kewangan. Sehingga akhir Mei 2006, Jabatan/Agensi Negeri telah berjaya mengikuti program ini dan diberi sijil penyertaan. Harapan saya Jabatan/Agensi Negeri yang menamatkan program ini akan terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri masing-masing/ laporan berhubung dengan pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam laporan ini.

**4.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan.** Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan Audit Negara telah mendapatkan perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

**4.3 Penglibatan Semasa Pembangunan Sistem Berkomputer.** Pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem berkomputer khasnya di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini dirasai perlu memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan dengan itu sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

5. Laporan ini disediakan dalam 4 Bahagian seperti berikut:

- Bahagian I** : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2005
- Bahagian II** : Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri
- Bahagian III** : Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan
- Bahagian IV** : Perkara Am

6. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

7. Pada pandangan saya, prestasi pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu :

- a) **SKILL** – Setiap pegawai/kakitangan adalah merupakan modal insan, perlulah mempunyai kemahiran profesional berkaitan dengan tugas masing-masing dan mengekalkannya menerusi pembelajaran dan latihan yang berterusan.
- b) **INTEREST** - Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi supaya kualiti sistem penyampaian dapat dipertingkatkan.
- c) **KNOWLEDGE** - Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d) **ATTITUDE** - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen. Tidak ada sikap sambil lewa.
- e) **PROCEDURE** – Setiap pegawai/kakitangan hendaklah mematuhi segala peraturan/undang-undang yang ditetapkan dengan jujur dan amanah.

8. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agenzi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia.**

**Putrajaya**

**2 Ogos 2006**

## **INTI SARI LAPORAN**

### **BAHAGIAN I - PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005**

1. Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2005 adalah bertambah baik dan rekod perakaunan telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Penyata tersebut telah dapat disahkan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Kerajaan Negeri perlu berusaha mempertingkatkan kedudukan kewangan dengan mengutip tunggakan hasil yang masih tinggi dan berhemat semasa melakukan perbelanjaan.

### **BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

2. Pengurusan kewangan di Perbendaharaan Negeri, Jabatan Pertanian dan Pejabat Daerah

dan Tanah Jasin menunjukkan tahap pengurusan kewangan yang memuaskan. Penambahbaikan telah banyak dibuat berbanding tahun lalu. Ketinggalan dan ketidakpatuhan peraturan yang belum diambil tindakan merupakan perkara yang mampu diambil tindakan segera.

3. Lawatan Penampilan Audit ke 9 Jabatan/Pejabat yang dipilih menunjukkan masih berlaku kelemahan dalam memastikan rekod dan dokumen pengurusan kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

4. Program Anak Angkat yang mula dilaksanakan pada tahun 2003 telah menunjukkan peningkatan yang positif dalam pengurusan kewangan di Jabatan/Agenzi yang dipilih.

### **BAHAGIAN III - BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

5. Kerajaan Negeri Melaka mempunyai 16 Agenzi yang mana 12 daripadanya merupakan Badan Berkanun Negeri, tiga Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam. Kedudukan penyerahan penyata kewangan Agenzi telah bertambah baik di mana kesemua penyata kewangan tahun 2004 telah dikeluarkan Sijil Audit dan tiada penyata kewangan yang tertunggak.

## **Perbadanan Muzium Melaka : Pengurusan Kewangan**

6. Pemerhatian Audit mendapati pengurusan kewangan Perbadanan masih perlu dipertingkatkan khususnya kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset. Penyelenggaraan rekod perlu dikemaskinikan selaras dengan peraturan kewangan. Selain itu, tindakan mempertingkatkan sistem penyeliaan, pemantauan, dan susulan terhadap pengurusan kewangan perlu dilaksanakan bagi mewujudkan satu sistem kawalan dalaman yang berkesan.

**BAHAGIAN I**  
**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005**

## **1. PENDAHULUAN**

**1.1** Penyata Kewangan yang berkembar bersama Laporan ini mengandungi Lembaran Imbalan, Penyata Akaun Memorandum dan Penyata Akaun Hasil Disatukan yang menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2005.

**1.2** Selaras dengan Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dikehendaki menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun tahunan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 7 bulan tahun berikut untuk diaudit. Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 kepada Jabatan Audit Negara pada 16 Mei 2006.

**1.3** Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama. Bagi menentukan sama ada sesuatu kesilapan adalah *material*, faktor yang diambil kira ialah jumlah nilai kesilapan pada akaun, corak (*nature*) kesilapan dan juga keadaan di bawah mana transaksi itu berlaku.

**1.4** Pada tahun 2005, Jabatan Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri terus berusaha untuk meningkatkan lagi tahap akauntabiliti pengurusan kewangan Negeri. Ini dilaksanakan menerusi mesyuarat tertentu antaranya mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Negeri Melaka dan mesyuarat khas bersama Jabatan/Agensi yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah tertentu. Bagi memantau Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) berjalan lancar di setiap Jabatan, Kerajaan Negeri telah mengadakan Mesyuarat Pemantauan SPEKS setiap bulan yang dianjurkan oleh Jabatan-jabatan terpilih. Selain itu kursus SPEKS juga turut diadakan dari semasa ke semasa kepada semua pegawai yang terlibat bagi meningkatkan lagi tahap kemahiran pegawai.

## **2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**

**2.1** Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan

ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi semasa penyampaian Penyata Kewangan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada 31 Disember 2005.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan ini dan ringkasan Penyata Kewangan yang telah diaudit adalah seperti di **Lampiran I** dan **II**.

**2.2** Prestasi persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri hendaklah dikenalkan supaya **sijil tanpa teguran** masih dapat dikeluarkan pada tahun akan datang. Usaha ini penting bagi memastikan akauntabiliti awam terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Negeri terus dipertingkatkan.

### **3. ANALISIS TERHADAP PENYATA KEWANGAN**

**3.1** Analisis Penyata Kewangan dibuat bagi menilai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada akhir tahun 2005 berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 2004. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada 2 jenis penyata utama iaitu Lembaran Imbang dan Penyata Akaun Memorandum. Kedua penyata ini memberikan gambaran berbeza di mana Lembaran Imbang menunjukkan keadaan sebenar kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun berkenaan yang berasaskan tunai, sementara Penyata Akaun Memorandum merupakan memorandum untuk memaklumkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang lebih bercorak jangka panjang.

#### **3.2 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

**3.2.1** Kedudukan kewangan sesebuah Negeri dapat dinilai daripada maklumat kewangan yang terkandung di Lembaran Imbang dan Penyata Akaun Memorandum. Lembaran Imbang digunakan untuk mengakaunkan Kumpulan Wang Disatukan yang ditubuhkan melalui Perkara 97(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang Disatukan ini terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada akhir bulan Disember 2005 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Mengikut**  
**Lembaran Imbangan**

Bil	Butiran	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	12.48	20.43	7.95
2.	Akaun Amanah Disatukan Terdiri daripada: <i>i) Kumpulan Wang Pembangunan</i> <i>ii) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i> <i>iii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i> <i>iv) Deposit</i>	196.24 (39.11) 40.17 174.07 21.11	182.13 (78.13) 41.40 194.57 24.29	(14.11) (39.02) 1.23 20.50 3.18
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	13.04	0.17	(12.87)
<b>Jumlah</b>		<b>221.76</b>	<b>202.73</b>	<b>(19.03)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Negeri Melaka

**3.2.2** Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2005 adalah RM202.73 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM42.42 juta dan pelaburan sejumlah RM160.31 juta. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah menurun sejumlah RM19.03 juta iaitu daripada RM221.76 juta pada tahun 2004 menjadi RM202.73 juta pada tahun 2005. Punca utama pengurangan ini adalah disebabkan oleh kemerosotan Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM14.11 juta dan Akaun Pinjaman Disatukan sejumlah RM12.87 juta. Dari segi kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah didapati aset yang berjumlah RM202.73 juta dapat menampung keseluruhan tanggungan berjumlah RM83.47 juta yang terdiri daripada Akaun Kena Bayar sejumlah RM10.65 juta, Deposit sejumlah RM24.29 juta dan tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM48.53 juta.

**3.2.3** Mengikut Penyata Akaun Memorandum, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Aset Dan Tanggungan**  
**Mengikut Kedudukan Penyata Akaun Memorandum**

Bil	Butiran	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	<u>Aset</u> Penyata Hasil Belum Terima	47.98	60.36	12.38
	Pinjaman Boleh Dituntut	830.80	847.92	17.12
	Pelaburan	25.79	25.74	(0.05)
	<b>Jumlah Aset</b>	<b>904.57</b>	<b>934.02</b>	<b>29.45</b>
2.	<u>Tanggungan</u> Hutang Kerajaan Negeri	978.19	1,030.33	52.14
	<b>Jumlah Tanggungan</b>	<b>978.19</b>	<b>1,030.33</b>	<b>52.14</b>

Sumber: Penyata Kewangan Negeri Melaka

**3.2.4** Jumlah aset yang ditunjuk di Penyata Akaun Memorandum telah meningkat sejumlah RM29.45 juta iaitu daripada RM904.57 juta pada tahun 2004 menjadi RM934.02 juta pada tahun 2005. Peningkatan ini berpunca daripada Hasil Belum Terima yang bertambah sejumlah RM12.38 juta dan Pinjaman Boleh Tuntut sejumlah RM17.12 juta. Selain itu, aset ini juga terdiri daripada Pelaburan yang berjumlah RM25.74 juta. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tempoh jangka panjang berdasarkan Penyata Akaun Memorandum menunjukkan aset berjumlah RM934.02 juta tidak dapat menampung tanggungan hutang Kerajaan Negeri berjumlah RM1.03 bilion.

### LEMBARAN IMBANGAN

#### 3.3 AKAUN HASIL DISATUKAN

**3.3.1** Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2005 dengan *surplus* berjumlah RM7.95 juta. *Surplus* ini berpunca daripada hasil Kerajaan Negeri yang diperolehi berjumlah RM250.90 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM242.95 juta pada tahun 2005.

#### 3.3.2 Hasil

Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri Melaka pada tahun 2005 berjumlah RM250.90 juta iaitu berkurangan sejumlah RM15.37 juta berbanding tahun 2004 berjumlah RM266.27 juta. Jumlah hasil mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Pungutan Hasil Bagi Tahun 2004 Dan 2005**

Bil	Kategori	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Lebihan/ (Kurangan) (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	47.38	50.25	2.87
2.	Hasil Bukan Cukai	113.36	111.65	(1.71)
3.	Terimaan Bukan Hasil	105.53	89.00	(16.53)
<b>Jumlah</b>		<b>266.27</b>	<b>250.90</b>	<b>(15.37)</b>

Sumber : Penyata Kewangan Negeri Melaka

Analisis Audit mendapati sebanyak 68 butiran hasil mengalami peningkatan berjumlah RM30.92 juta dan sebanyak 66 butiran mengalami penurunan berjumlah RM46.29 juta. Berikut adalah peningkatan dan penurunan yang ketara bagi butiran hasil tersebut.

**a) Peningkatan Hasil Yang Ketara**

**i) Jualan Rumah Awam Kos Rendah**

Pada tahun 2005, jualan Rumah Awam Kos Rendah merupakan penyumbang utama kepada peningkatan hasil Kerajaan Negeri. Kutipan pada tahun 2005 berjumlah RM40.40 juta meningkat sejumlah RM10.03 juta berbanding RM30.37 juta pada tahun 2004. Peningkatan ini adalah disebabkan pelancaran jualan bagi 9 buah projek Perumahan Awam Kos Rendah yang dilaksanakan pada RMK-8.

**ii) Pemberian Penyelenggaraan Penguin Tempatan**

Pada tahun 2005 Pemberian Penyelenggaraan Penguin Tempatan telah meningkat sejumlah RM3.68 juta menjadi RM6.80 juta pada tahun 2005 berbanding RM3.12 juta pada tahun 2004. Peningkatan ini adalah disebabkan Pemberian Penyelenggaraan Penguin Tempatan kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah bagi tahun 2004 hanya diterima pada akhir Januari 2005.

**iii) Bayaran Balik Pinjaman Yang Diberi Daripada Hasil Kumpulan Wang Lain**

Bayaran balik pinjaman Yang Diberi Daripada Hasil Dan Kumpulan Wang yang lain meningkat sejumlah RM3.61 juta menjadi RM26.48 juta pada tahun 2005 berbanding RM22.87 juta pada tahun 2004. Peningkatan ini adalah disebabkan satu agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka menjelaskan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi tahun 2004. Di samping itu, mulai tahun 2005 faedah yang diterima bagi bayaran balik pinjaman daripada sumber Kumpulan Wang Amanah pinjaman berkanun juga diperakaunkan dalam butiran ini.

**b) Penurunan Hasil Yang Ketara**

**i) Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan**

Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan pada tahun 2004 sejumlah RM26.51 juta telah menurun sejumlah RM17.23 juta menjadi RM9.28 juta pada

tahun 2005. Pengurangan ini disebabkan pada tahun 2004 Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan adalah termasuk pemberian bagi tahun 2002 yang hanya diterima oleh Kerajaan Negeri pada akhir Mei 2004.

#### **ii) Premium Tanah**

Premium Tanah yang dikutip pada tahun 2005 telah menurun sejumlah RM12.84 juta menjadi RM38.13 juta berbanding RM50.97 juta pada tahun 2004. Penurunan ini adalah disebabkan pada tahun 2004 Kerajaan Negeri telah menerima premium berjumlah RM25.61 juta daripada Kementerian Dalam Negeri bagi tujuan *Buffer Zon Simpanan Peluru di Masjid Tanah*.

#### **iii) Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus**

##### **Jabatan Di Bawah Senarai Bersama**

Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan Di Bawah Senarai Bersama pada tahun 2005 berjumlah RM4.37 juta berbanding RM7.58 juta pada tahun 2004. Ini disebabkan pemberian yang diterima pada tahun 2004 adalah termasuk pemberian bagi tahun 2002 yang hanya diterima pada awal Januari 2004.

#### **3.3.3 Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri secara keseluruhannya menurun sejumlah RM20.50 juta daripada RM263.45 juta pada tahun 2004 menjadi RM242.95 juta pada tahun 2005. Perbelanjaan ini terdiri daripada 5 kategori iaitu Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap dan Pelbagai Perbelanjaan. Kedudukan perbelanjaan mengurus mengikut kategori bagi tahun 2005 berbanding tahun 2004 adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2004 Dan 2005**

Bil.	Kategori Perbelanjaan	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Emolumen	45.96	48.68	2.72
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	35.59	63.57	27.98
3.	Aset	6.33	5.12	(1.21)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	174.81	124.48	(50.33)
5.	Pelbagai Perbelanjaan	0.75	1.09	0.34
<b>Jumlah</b>		<b>263.45</b>	<b>242.95</b>	<b>(20.50)</b>

Sumber : Penyata Kewangan Negeri Melaka

Analisis Audit selanjutnya mendedahkan antara butiran perbelanjaan yang menunjukkan peningkatan dan penurunan ketara adalah seperti berikut:

**a) Peningkatan Perbelanjaan Yang Ketara**

**i) Pemberian Dalam Negeri**

Pemberian Dalam Negeri telah meningkat sejumlah RM28.20 juta menjadi RM28.23 juta pada tahun 2005 berbanding tahun 2004 yang berjumlah RM21,925. Peningkatan yang paling ketara adalah bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri yang berjumlah RM20.18 juta berbanding RM21,925 pada tahun 2004. Punca utama peningkatan perbelanjaan ini adalah kerana pada tahun 2005 Perbendaharaan Negeri telah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2004 mengenai penjenisan kod perbelanjaan. Iaitu perbelanjaan antaranya berbentuk sumbangan/ pemberian kepada Badan Berkanun, Pihak Berkusa Tempatan dan bantuan am telah dikenakan di bawah butiran ini berbanding pada tahun 2004 perbelanjaan sedemikian dikenakan di bawah butiran Bayaran Pindahan dan Biasiswa, Dermasiswa Dan Bantuan Pelajar.

**ii) Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli**

Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli telah meningkat sejumlah RM26.84 juta menjadi RM38.03 juta pada tahun 2005 berbanding tahun 2004 yang berjumlah RM11.19 juta. Antara peningkatan yang paling ketara adalah bagi Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) yang berjumlah RM21.53 juta berbanding RM1.10 juta pada tahun 2004. Peningkatan ini adalah disebabkan pembayaran upah dan perkhidmatan pekerja sambilan bagi Bahagian Pendidikan (JAIM) yang mana pada tahun 2004 dibayar di bawah butiran Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajar Dalam Negeri yang dikeluarkan oleh JAIM dan disalurkan melalui Majlis Agama Islam Melaka. Pada tahun 2005, perbelanjaan tersebut telah dipantau secara terus oleh JAIM melalui pusat tanggungjawab Bahagian Pendidikan di bawah butiran Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli.

**iii) Pemberian Luar Negeri**

Pemberian Luar Negeri telah meningkat sejumlah RM12.46 juta menjadi RM35.39 juta pada tahun 2005 berbanding tahun 2004 yang berjumlah RM22.93 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan faedah yang dibayar atas pinjaman.

**b) Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara**

**i) Biasiswa, Dermasiswa Dan Bantuan Pelajar**

Pada tahun 2005, perbelanjaan bagi butiran ini menurun sejumlah RM90.83 juta menjadi RM56.29 juta berbanding RM147.11 juta pada tahun 2004. Pengurangan ini disebabkan pematuhan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2004 mengenai penjenisan kod perbelanjaan yang dibuat pada tahun 2005 oleh Perbendaharaan Negeri. Antaranya perbelanjaan berkaitan dengan butiran ini telah dikenakan di bawah butiran Perkhidmatan Ikhtisas Dan

Perkhidmatan Yang Dibeli di bawah JAIM dan di bawah butiran Pemberian Dalam Negeri di bawah Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri.

**ii) Kemudahan Dan Pembaikan Kemudahan**

Perbelanjaan ini berjumlah RM241,742 telah berkurangan sejumlah RM4.35 juta berbanding RM4.59 juta pada tahun 2004. Pengurangan ini disebabkan pematuhan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2004 mengenai penjenisan kod perbelanjaan yang dibuat pada tahun 2005 oleh Perbendaharaan Negeri. Antaranya perbelanjaan Kenderaan Dan Pengangkutan Jalan Raya telah dikenakan di bawah butiran Kenderaan Dan Jentera berbanding pada tahun 2004 dikenakan di bawah butiran ini. Selain itu perbelanjaan Alat Kelengkapan Komputer telah dikenakan di bawah butiran Harta-harta Modal Yang Lain pada tahun 2005 berbanding tahun 2004 di bawah butiran ini.

**iii) Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain**

Pada tahun 2005, perbelanjaan ini berjumlah RM2.56 juta telah berkurangan sejumlah RM1.36 juta berbanding RM3.92 juta pada tahun 2004. Pengurangan ini disebabkan pematuhan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2004 mengenai penjenisan kod perbelanjaan yang dibuat pada tahun 2005 oleh Perbendaharaan Negeri. Antaranya perbelanjaan Petroleum Dan Bahan Bakar telah dikenakan di bawah butiran Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan-bahan Untuk Penyelenggaraan berbanding pada tahun 2004 dikenakan di bawah butiran ini. Selain itu perbelanjaan Alat Ganti Kenderaan Pengangkutan telah dikenakan di bawah butiran Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli pada tahun 2005 berbanding tahun 2004 di bawah butiran ini.

### **3.4 AKAUN AMANAH DISATUKAN**

**3.4.1** Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Deposit dan Akaun Kena Bayar. Baki Kumpulan Wang ini pada 31 Disember 2005 adalah berjumlah RM182.13 juta. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan adalah seperti berikut:

**3.4.2 Kumpulan Wang Pembangunan**

Kumpulan wang ini ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966. Punca kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman daripada akaun hasil, terimaan daripada Kerajaan Persekutuan dan juga daripada Akaun Pinjaman. Wang dalam kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud-maksud seperti yang ditentukan dalam Akta tersebut. Pada tahun 2005, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatat defisit sejumlah RM39.03 juta berbanding tahun 2004 dengan baki kredit sejumlah RM6.64 juta. Dengan itu baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2005 meningkat kepada RM78.13

juta berbanding RM39.11 juta pada tahun 2004. Penambahan defisit ini adalah disebabkan penerimaan dari sumber langsung hanya berjumlah RM27.75 juta berbanding perbelanjaan yang dibuat berjumlah RM70.91 juta. Pada tahun 2005, perbelanjaan pembangunan terdiri daripada sumber langsung sejumlah RM70.91 juta dan sumber pinjaman sejumlah RM71.90 juta yang mana keseluruhannya berjumlah RM142.81 juta. Dengan itu perbelanjaan pembangunan menurun sejumlah RM62.20 juta berbanding RM205.01 juta pada tahun 2004. Penurunan ini antaranya adalah disebabkan 3 projek yang berjumlah RM46.82 juta telah disiapkan pada tahun 2004. Daripada 12 jabatan yang terlibat dengan perbelanjaan pembangunan ini, 3 jabatan telah membelanjakan jumlah yang tertinggi iaitu Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri berjumlah RM68.38 juta, Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur) berjumlah RM27.14 juta, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM13.48 juta. Ini bermakna 3 jabatan ini telah membelanjakan sejumlah RM109 juta atau 76% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan.

#### **3.4.3 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan diwujudkan di bawah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957 dan disenaraikan dalam Jadual Kedua Akta tersebut. Kumpulan wang amanah ini diselenggara bagi mengakaun wang Kerajaan yang diperuntukkan bagi tujuan khas Kerajaan seperti perbelanjaan pembangunan, pinjaman kenderaan dan perumahan, pendahuluan dan sebagainya. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2005 adalah berjumlah RM41.40 juta berbanding pada akhir tahun 2004 berjumlah RM40.17 juta iaitu peningkatan sejumlah RM1.23 juta. Peningkatan ini antaranya adalah disebabkan sejumlah RM1.28 juta dari Akaun Penyelesaian Kumpulan Wang Simpanan Pekerja merupakan wang caruman KWSP bagi bulan November dan Disember 2005 yang masih belum dibayar kepada KWSP pada akhir Disember 2005. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah pun membuat pembayaran tersebut pada pertengahan Februari 2006.

#### **3.4.4 Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaunkan segala terimaan dan bayaran berkaitan dengan akaun amanah serta kumpulan wang amanah untuk maksud-maksud tertentu. Ianya diwujudkan di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan wang amanah orang awam. Mengikut Penyata Kewangan, baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2005 berjumlah RM194.57 juta berbanding RM174.07 juta pada akhir tahun 2004 iaitu peningkatan sejumlah RM20.50 juta. Peningkatan yang ketara adalah bagi akaun Kumpulan Wang Amanah Bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Negeri Melaka. Baki Kumpulan Wang Amanah Projek PKAR Negeri Melaka ini pada akhir tahun 2005 berbaki kredit RM427,792 berbanding baki debit RM17.11 juta pada akhir tahun 2004 iaitu peningkatan sejumlah RM17.54 juta. Peningkatan ini disebabkan penerimaan pinjaman bagi 9 projek PKAR yang dilaksanakan pada RMK-8.

#### **3.4.5 Deposit**

Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Baki deposit pada akhir tahun 2005 berjumlah RM24.29 juta telah meningkat sejumlah RM3.18 juta berbanding tahun 2004 berjumlah RM21.11 juta. Analisis Audit menunjukkan peningkatan yang ketara melibatkan Akaun Deposit Am Jabatan Negeri. Akaun Deposit Am Jabatan Negeri berbaki RM3.42 juta pada tahun 2004 telah meningkat menjadi RM5.58 juta pada tahun 2005 iaitu peningkatan sejumlah RM2.16 juta. Peningkatan yang paling ketara ialah bagi Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah. Peningkatan ini antaranya disebabkan Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah telah menerima deposit bagi permit cagaran dan premium tanah. Selain itu, Akaun Deposit Wang Jaminan Perlaksanaan turut menyumbang peningkatan terhadap deposit bagi tahun 2005. Baki Akaun Deposit Wang Jaminan Perlaksanaan meningkat daripada RM11.70 juta pada tahun 2004 menjadi RM12.80 juta pada tahun 2005 iaitu meningkat sejumlah RM1.1 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan terimaan deposit daripada projek yang dilaksanakan pada tahun 2005.

#### **3.4.6 Akaun Kena Bayar**

Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan pada akhir tahun yang perlu dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Pada akhir tahun 2005 baki akaun ini ialah RM10.65 juta berbanding RM12.23 juta pada tahun 2004. Penurunan sejumlah RM1.58 juta adalah disebabkan tindakan yang telah diambil oleh Perbendaharaan Negeri yang mana baucar Akaun Kena Bayar hendaklah dikemukakan pada awal bulan Januari 2006 dan baucar yang diterima lewat akan dikembalikan untuk dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Analisis Audit mendapati 68% daripada keseluruhan perbelanjaan Akaun Kena Bayar adalah daripada Jabatan Ketua Menteri berjumlah RM5.62 juta, Jabatan Pengairan Dan Saliran berjumlah RM888,219 dan Jabatan Kerja Raya berjumlah RM834,524.

### **3.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaun pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan. Mengikut Lembaran Imbangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2005 menurun sejumlah RM12.87 juta menjadi RM174,815 berbanding RM13.04 juta pada akhir tahun 2004. Penurunan ini adalah disebabkan sejumlah RM12 juta pinjaman yang diterima pada akhir Disember tahun 2004 bagi membayar pampasan tanah Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2005. Bagi terimaan pinjaman tahun 2005 berjumlah RM80.27 juta kesemuanya juga telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

## **PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

### **3.6 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**

**3.6.1** Pinjaman Boleh Tuntut Sumber Negeri merupakan baki pinjaman yang terhutang oleh Badan Berkanun dan badan lain kepada Kerajaan Negeri. Baki pinjaman ini menurun daripada sejumlah RM59.42 juta pada tahun 2004 menjadi RM58.70 juta pada tahun 2005. Pembayaran balik yang diterima berjumlah RM6.08 juta dibuat oleh 7 daripada 9 Agensi yang meminjam. Sejumlah RM2.88 juta dibayar secara tunai manakala sejumlah RM3.20 juta dibuat secara kontra projek/sumbangan. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan dan mengeluarkan pinjaman baru sejumlah RM4.79 juta kepada 3 Agensi pada tahun 2005.

**3.6.2** Pinjaman Boleh Tuntut Sumber Persekutuan pula merupakan pinjaman kepada Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan dari Kumpulan Wang Pembangunan secara pinjaman dari Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2005 baki pinjaman ini telah meningkat sejumlah RM16.10 juta iaitu daripada RM769.18 juta pada tahun 2004 menjadi RM785.39 juta pada tahun 2005. Peningkatan ini disebabkan pengeluaran pinjaman baru projek Bekalan Air kepada Perbadanan Air Melaka berjumlah RM48.12 juta. Pada tahun 2005, 4 Agensi yang meminjam telah membuat bayaran balik berjumlah RM35.23 juta terdiri daripada bayaran pinjaman sejumlah RM31.91 juta dan bayaran faedah sejumlah RM3.32 juta. Namun begitu, satu agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka telah menjelaskan bayaran balik tertunggak sejak tahun 1997 sejumlah RM8.91 juta secara kontra dengan projek Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan oleh Agensi berkenaan. Walaupun terimaan bayaran balik Agensi kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM26.32 juta tetapi Kerajaan Negeri telah membayar hutang Agensi ini kepada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM27.84 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik hutang pula menunjukkan satu Agensi masih gagal menjelaskan bayaran tertunggak bagi tahun 1996 sehingga 2005 menyebabkan tunggakan keseluruhan berjumlah RM42.08 juta.

### **3.7 PELABURAN**

**3.7.1** Pelaburan yang ditunjukkan di bawah Penyata Akaun Memorandum adalah pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus. Pelaburan yang dinyatakan di Penyata Akaun Memorandum ini adalah untuk memperakaunkan aset Kerajaan Negeri yang bukan merupakan sebahagian daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan di Lembaran Imbangan. Penyata Pelaburan ini menunjukkan aset Kerajaan Negeri yang dipegang dan diuruskan oleh Perbadanan Ketua Menteri, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan atau Pengurus Dana (Portfolio).

**3.7.2** Pada akhir tahun 2005, pelaburan mengikut Penyata Akaun Memorandum berjumlah RM25.73 juta iaitu pelaburan saham melalui Perbadanan Ketua Menteri sejumlah RM16.80 juta dan melalui pengurus portfolio sejumlah RM8.93 juta.

**3.7.3** Analisis Audit menunjukkan pelaburan Kerajaan Negeri di Lembaran Imbangan berjumlah RM160.31 juta adalah termasuk hartanah sejumlah RM94.08 juta. Oleh kerana tanah dan bangunan merupakan aset tetap atau tidak mudah alih sepatutnya pelaburan ini dinyatakan di Akaun Memorandum kerana ianya lebih menepati dasar perakaunan asas tunai yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri.

**3.7.4** Pada tahun akhir 2005, baki akhir pelaburan Tabung Amanah Melaka (TAM) di Lembaran Imbangan berjumlah RM159.29 juta berkurangan sejumlah RM537,220 daripada jumlah sebenar RM159.84 juta. Ini disebabkan transaksi pembayaran pindah milik yang dibatalkan tidak diambil kira pada tahun 2005. Bagaimana pun pelarasan semula bagi bayaran sejumlah RM537,220 ini telah dilakukan pada tahun semasa 2006.

### **3.8 TUNGGAKAN HASIL**

**3.8.1** Pada tahun 2005, tunggakan hasil bagi 6 pemungut berjumlah RM60.36 juta, meningkat sejumlah RM12.38 juta jika dibandingkan dengan tunggakan pada tahun 2004 berjumlah RM47.98 juta. Peningkatan sejumlah RM12.38 juta ini menyebabkan tunggakan Cukai Tanah berlarutan dan Denda Lewat Tanah terus meningkat serta melebihi dari Cukai Tanah yang sepatutnya. Bagaimana pun tunggakan terbesar adalah tunggakan cukai tanah berjumlah RM32.33 juta atau 54% yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh tanah milik syarikat. Langkah Kerajaan Negeri melancarkan kempen membayar cukai tanah dengan membuka kaunter sementara di pusat membeli belah, terimaan bayaran melalui kad kredit dan meluluskan bayaran ansuran bagi kes tunggakan melebihi RM1,000 telah berjaya mengurangkan tunggakan cukai tanah berjumlah RM5.14 juta. Bagaimana pun prestasi kutipan tunggakan pada tahun 2005 lebih baik memandangkan kutipan hasil tunggakan cukai tanah meningkat sejumlah RM932,336 iaitu daripada RM7.81 juta pada tahun 2004 kepada berjumlah RM8.74 juta pada tahun 2005.

**3.8.2** Butiran tunggakan hasil tahun semasa berbanding tahun lepas adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2004 Dan 2005**

Bil.	Jenis Hasil	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	37.47	32.33	(5.14)
2.	Sewa Rumah Awam/Pangsa, Bangunan/Kedai Dan Gedung Kerajaan	6.26	7.50	1.24
3.	Denda	3.99	20.18	16.19
4.	Lain-lain Hasil	0.26	0.35	0.09
<b>Jumlah</b>		<b>47.98</b>	<b>60.36</b>	<b>12.38</b>

*Sumber : Penyata Tunggakan Hasil*

### 3.9 HUTANG KERAJAAN NEGERI

**3.9.1** Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Pada akhir tahun 2005, baki hutang Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1.03 bilion berbanding RM978.19 juta pada tahun 2004, iaitu meningkat sejumlah RM52.15 juta. Peningkatan hutang ini adalah disebabkan pengeluaran pinjaman baru berjumlah RM80.29 juta untuk projek berikut:

- a) Projek Bekalan Air sejumlah RM48.12 juta;
- b) Perumahan Awam Kos Rendah sejumlah RM17.13 juta;
- c) Kompleks Sukan Negeri Melaka sejumlah RM10.04 juta; dan
- d) Projek Kompleks Medan Portugis sejumlah RM5 juta.

Pada tahun 2005, Kerajaan Negeri telah menjelaskan hutang kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM28.15 juta dan faedah sejumlah RM7.25 juta walaupun peruntukan diluluskan berjumlah RM35.44 juta. Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2005 berbanding tahun 2004 adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**  
**Hutang Kerajaan Negeri**

Bil.	Jenis Hutang	Tahun		Peningkatan/ (Pengurangan) (RM Juta)
		2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	
1.	Pinjaman Projek Bekalan Air	718.63	749.01	30.38
2.	Pinjaman Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	39.84	36.84	(3.00)
3.	Pinjaman Projek Rancangan Rumah Awam	97.35	109.27	11.92
4.	Pinjaman Projek-projek Lain	122.37	135.22	12.85
<b>Jumlah</b>		<b>978.19</b>	<b>1,030.34</b>	<b>52.15</b>

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri*

#### 4. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK-8

**4.1** Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) Negeri Melaka untuk tempoh 5 tahun (2001-2005) merupakan perancangan fasa pertama Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga bagi Negeri Melaka. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Melaka. Ia juga signifikan jika dilihat dari perspektif ke arah menggerakkan Negeri Melaka mencapai status negeri maju pada tahun 2010 berbanding Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) yang lebih menjurus kepada menyegerakan pemulihan ekonomi daripada kegawatan.

**4.2** Bagi menjayakan RMK-8, sejumlah RM1.28 bilion telah diperuntukkan bagi tempoh 5 tahun. Pada tahun 2005, sejumlah RM187.77 juta telah diperuntukkan bagi 12 Jabatan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM142.81 juta atau 76% telah dibelanjakan. Prestasi perbelanjaan bagi tempoh 2001 hingga 2005 di bawah RMK-8 adalah berjumlah RM962.29 juta atau 75% daripada peruntukan RMK-8. Analisis Audit menunjukkan daripada 12 Jabatan yang terlibat, Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan telah membelanjakan RM592.67 juta atau 93% daripada peruntukannya. Sebahagian besar perbelanjaan adalah bagi projek Pembinaan Loji Lancang/Gadek berjumlah RM206.19 juta, Bekalan Air Baru Melaka yang berjumlah RM153.66 juta dan Empangan Jus berjumlah RM138.02 juta. Bagi Jabatan lain, prestasi perbelanjaannya adalah antara 30% hingga 134%. Prestasi perbelanjaan bagi setiap Jabatan di bawah RMK-8 adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK-8**

Bil.	Nama Jabatan/Pejabat	Peruntukan Diluluskan RMK-8 Tahun 2001-2005 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31.12.2005 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Jabatan Kerja Raya	160.68	49.12	30.6
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	46.31	31.73	68.5
3.	Jabatan Pertanian	26.73	10.23	38.3
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	8.26	6.36	76.9
5.	Pejabat Tanah Dan Galian	0.28	0.17	60.7
6.	Jabatan Ketua Menteri Melaka:			
	Perumahan	133.99	84.68	63.2
	Infrastruktur	123.56	100.68	81.5
7.	Pejabat Pembangunan Negeri	30.50	29.70	97.4
8.	Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan	636.68	592.67	93.1
9.	Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah	6.00	8.05	134.2
10.	Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	7.10	8.14	114.6
11.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	6.15	5.96	96.9
12.	Jabatan Agama Islam	90.58	34.79	38.4
<b>Jumlah</b>		<b>1,276.82</b>	<b>962.29</b>	<b>75.4</b>

Sumber : Rekod Jabatan Negeri

**4.3** Sehingga bulan Disember 2005, sejumlah RM1.28 bilion yang diperuntukkan bagi 11 Jabatan telah digunakan untuk melaksanakan 186 projek yang berjumlah RM1.23 bilion. Sebahagian daripada projek tersebut merupakan projek sambungan daripada RMK7. Sebanyak 51 daripada jumlah projek tersebut telah siap dilaksanakan sepenuhnya. Antara projek besar yang telah siap dilaksanakan ialah Empangan Jus, Membina Wisma Negeri dan Kompleks Sukan Negeri Melaka. Antara projek yang sedang dilaksanakan ialah Kompleks Dewan Undangan Negeri dan Pembangunan MITC. Selain itu, sebanyak 89 projek masih belum dimulakan lagi kerana antaranya disebabkan pinjaman lewat diterima, ketidaaan peruntukan, masalah tanah dan tapak projek. Antara projek yang belum dimulakan ialah Pembangunan Kampung Portugis dan Pembinaan Kampus Cawangan Universiti Al-Azhar. Status pelaksanaan projek RMK-8 adalah seperti di **Jadual 8**.

**Jadual 8**  
**Status Pelaksanaan Projek RMK-8 Setakat 31 Disember 2005**

Bil.	Nama Jabatan	Bil. Projek	Status Pelaksanaan		
			Siap	Sedang Di Laksana	Belum Mula
1.	Jabatan Kerja Raya	39	6	4	29
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	21	8	12	1
3.	Jabatan Pertanian	12	-	11	1
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	16	-	16	-
5.	Pejabat Tanah Dan Galian	3	3	-	-
6.	Jabatan Ketua Menteri Melaka: Perumahan	9	9	-	-
	Infrastruktur	29	15	8	6
7.	Pejabat Pembangunan Negeri	3	1	2	-
8.	Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan	8	5	1	2
9.	Pejabat Daerah Melaka Tengah	13	1	12	-
10.	Pejabat Daerah Alor Gajah	10	1	9	-
11.	Pejabat Daerah Jasin	7	-	7	-
12.	Jabatan Agama Islam	16	2	7	7
<b>Jumlah</b>		<b>186</b>	<b>51</b>	<b>89</b>	<b>46</b>

Sumber: Rekod Jabatan Negeri Melaka

## 5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pihak Audit berpendapat penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2005 adalah bertambah baik dan rekod perakaunan telah di selenggara dengan lengkap dan kemas kini. Butiran yang *material* di Penyata Kewangan Negeri telah dapat disahkan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Dari segi kedudukan kewangan, walaupun pungutan hasil hanya mencapai tahap 87% berbanding anggaran yang berjumlah RM287.40 juta pada tahun 2005, Kerajaan Negeri juga telah berusaha mengurangkan perbelanjaan mengurusnya iaitu pada tahap 81% berbanding peruntukan yang diluluskan yang berjumlah RM299.57 juta. Bagaimanapun perbelanjaan mengurus berjumlah

RM242.95 juta tidak melebihi hasil yang dipungut yang berjumlah RM250.90 juta. Ini menjadikan Kerajaan Negeri mempunyai lebihan semasa berjumlah RM7.95 juta dan lebihan terkumpul berjumlah RM20.43 juta pada tahun 2005. Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu berusaha mempertingkatkan kedudukan kewangannya dengan mengutip tunggakan hasil yang masih tinggi dan melakukan perbelanjaan dengan lebih berhemat.

## **BAHAGIAN II** **PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

### **6. PENDAHULUAN**

Selain mengesahkan Penyata Kewangan, Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap beberapa Jabatan yang dipilih. Pengauditan pengurusan kewangan adalah untuk menentukan sama ada Jabatan mematuhi peraturan kewangan dan rekod berkaitan diselenggarakan dengan baik. Bagi Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan, pihak Audit melaksanakan Penampilan Audit. Program Penampilan Audit ini memberi penekanan kepada kawalan dalaman dan penyelenggaraan rekod kewangan. Pemilihan Jabatan untuk Penampilan Audit dibuat mengikut keutamaan iaitu Jabatan yang belum pernah dilawati atau tidak diaudit melebihi 3 tahun. Dari pemeriksaan dan lawatan Audit ke Jabatan adalah didapati ada antaranya mempunyai berbagai masalah dan kelemahan pengurusan kewangan. Jabatan ini perlu dibantu dan diberi bimbingan supaya tahap pengurusan kewangannya dapat diperbaiki.

### **PERBENDAHARAAN NEGERI**

### **7. LATAR BELAKANG**

**7.1** Perbendaharaan Negeri adalah Jabatan yang bertanggungjawab menetapkan dasar dan peraturan kewangan Kerajaan Negeri. Tanggungjawab ini juga termasuk mengawal selia Jabatan Negeri dengan memastikan segala bayaran dan terimaan dibuat mengikut peraturan kewangan. Selain itu, Perbendaharaan Negeri juga memantau dan membuat tindakan susulan terhadap Jabatan bagi memastikan rekod hasil, perbelanjaan, akaun amanah dan rekod kewangan lain diselenggarakan dengan lengkap dan teratur. Mulai tahun 2003 Perbendaharaan Negeri telah menggunakan sistem perakaunan berkomputer iaitu Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Tujuan sistem ini diguna pakai ialah untuk melicinkan pengurusan kewangan dan mempercepatkan penyediaan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri mengikut masa yang ditetapkan. Sistem ini juga diharap dapat mempertingkatkan kualiti Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri dan mengurangkan kelemahan pengurusan kewangan Negeri yang sering dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara.

**7.2** Pejabat Perbendaharaan Negeri yang diketuai oleh Pegawai Kewangan Negeri dibahagikan kepada 3 aktiviti utama iaitu Khidmat Pengurusan, Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Perakaunan. Antara Aktiviti Khidmat Pengurusan dan Pengurusan Kewangan ialah mengawal dan menyelia supaya peraturan kewangan dipatuhi oleh Jabatan Negeri serta bertanggungjawab bagi penyediaan bajet Kerajaan Negeri. Beberapa unit telah diwujudkan di bawah aktiviti ini antaranya ialah Pentadbiran Dan Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Kewangan

Pemantauan Audit Dan Naziran, Unit Komputer, Hasil dan Belanjawan Dan Perolehan. Aktiviti Pengurusan Perakaunan pula bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan, operasi dan perakaunan bagi semua urusan kewangan Kerajaan Negeri. Aktiviti ini juga menyimpan dan menyenggara akaun hasil dan perbelanjaan serta menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Di bawah aktiviti ini terdapat unit Perkhidmatan Dan Operasi dan Akaun.

**7.3** Sejumlah 67 perjawatan telah diluluskan bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri iaitu 10 jawatan bagi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional serta 57 jawatan bagi Kumpulan Sokongan. Seramai 12 daripada 52 orang kakitangan telah dilantik secara kontrak. Sehingga bulan Disember 2005, sebanyak 5 kekosongan jawatan berlaku disebabkan kenaikan pangkat, pertukaran dan persaraan. Pejabat Perbendaharaan Negeri telah menyediakan carta organisasi yang kemas kini dengan menunjukkan secara lengkap struktur dan perjawatannya. Selain itu, pegawai yang terlibat dengan tugas kewangan telah diberi latihan sewajarnya. Sepanjang tahun 2005, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Negeri Melaka telah bermesyuarat sebanyak 4 kali.

## **8. OBJEKTIF DAN SKOP PENG AUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada undang-undang dan peraturan telah dipatuhi serta wujud kawalan dalaman yang berkesan bagi mengawal pengurusan kewangan Kerajaan Negeri. Selain itu, pengauditan juga adalah untuk menentukan sama ada rekod kewangan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagi mencapai objektif pengauditan, rekod kewangan dan daftar bagi tahun 2005 di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan lain telah disemak. Antaranya ialah laporan serta daftar berkaitan hasil, perbelanjaan, amanah, pelaburan dan pinjaman. Pengauditan terhadap penyata pemungut, baucar bayaran, baucar jurnal dan transaksi perakaunan lain dibuat berdasarkan persampelan dengan mengambil kira materialiti sesuatu urus niaga. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai Perbendaharaan Negeri telah diadakan.

## **9. PENEMUAN AUDIT**

### **9.1 KAWALAN BAJET**

Mengikut Undang-undang Tubuh Negeri Melaka dan Seksyen 15 Akta Acara Kewangan 1957, bajet hendaklah di sedia dan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri untuk kelulusan. Kawalan bajet yang baik dapat melicinkan perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan dan pengurusan kewangan Negeri. Sejak tahun 2002, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Sistem Bajet Ubahsuai bagi mempertingkatkan pengurusan program kerajaan selaras dengan konsep *Let Managers Manage*. Bagi memudahkan pengurusan kawalan bajet tahunan, Perbendaharaan telah mengeluarkan arahan

penyediaan bajet 2005 melalui Surat Pekeliling Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka Bil. 1 Tahun 2004.

#### **9.1.1 Kedudukan Bajet**

Pada tahun 2005, Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar bajet *surplus* iaitu perbelanjaan tidak melebihi hasil begitu juga tahun 2004 yang mana mempunyai lebihan daripada anggaran hasil. Mengikut bajet 2005 Kerajaan Negeri menganggarkan perolehan hasil berjumlah RM287.40 juta iaitu terdiri daripada hasil cukai sejumlah RM63.85 juta, hasil bukan cukai RM130.24 juta dan pelbagai hasil RM93.31 juta. Perbelanjaan mengurus tahun 2005 dianggarkan berjumlah RM286.95 juta. Anggaran ini merangkumi perbelanjaan emolumen sejumlah RM45.48 juta, perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM66.14 juta, pemilikan aset berjumlah RM3.97 juta, pemberian dan kenaan bayaran tetap berjumlah RM170.20 juta serta perbelanjaan lain berjumlah RM1.16 juta. Pada tahun 2005, pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan adalah dianggarkan berjumlah RM187.77 juta. Sebahagian besar pendapatan ini iaitu 61% adalah dari sumber Kumpulan Wang Pinjaman Disatukan berjumlah RM113.92 juta. Daripada anggaran pendapatan tersebut, sejumlah RM187.77 juta telah dianggarkan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan.

#### **9.1.2 Pembentangan Bajet**

Bajet yang disediakan telah di bentang dan diluluskan di Dewan Undangan Negeri pada akhir tahun 2004. Waran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan telah ditandatangani oleh Ketua Menteri pada awal bulan Januari 2005 bagi membolehkan pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan. Pada bulan Oktober 2005, anggaran tambahan berjumlah RM12.62 juta telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Anggaran tambahan tersebut adalah untuk perbelanjaan mengurus.

**Pada pendapat Audit, penyediaan bajet Kerajaan Negeri tahun 2005 telah dilaksanakan dengan sempurna dan mendapat kelulusan daripada Dewan Undangan Negeri.**

### **9.2 KAWALAN HASIL**

Pada tahun 2005, Kerajaan Negeri telah mengutip hasil berjumlah RM250.9 juta iaitu berkurangan sejumlah RM15.37 juta berbanding hasil pada tahun 2004 yang berjumlah RM266.27 juta. Antara sumber hasil utama ialah perolehan dari cukai tanah, terimaan dari agensi kerajaan dan jualan barang-barang yang berjumlah RM192.82 juta bersamaan 77% daripada jumlah hasil tahun 2005. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut:

### **9.2.1 Penyerahan Akaun Tunai Bulanan**

Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab untuk memeriksa Akaun Tunai Bulanan yang dihantar oleh Pemungut Hasil. Arahan Perbendaharaan 145 menetapkan supaya Pegawai Perakaunan atau Pemungut Hasil mengemukakan Akaun Tunai Bulanan kepada Bendahari Negeri secepat mungkin iaitu pada tempoh 10 hari selepas akhir setiap bulan. Ini bertujuan untuk menentukan semua kutipan diakaunkan dengan segera dan tepat. Pemeriksaan Audit bagi tahun 2005 terhadap Buku Daftar Terimaan Akaun Tunai Bulanan di Perbendaharaan Negeri menunjukkan sejumlah 22 daripada 51 pemungut telah lewat menghantar Akaun Tunai Bulanan antara 2 hingga 254 hari kepada Perbendaharaan Negeri. Sebanyak 4 daripada 22 pemungut yang lewat mengemukakan akaun tunai bulanan masih belum mengemukakan dokumen tersebut antara bulan Oktober hingga Disember 2005. Keadaan ini menunjukkan penambahbaikan berbanding tahun 2004 yang mana 18 daripada 25 pemungut lewat mengemukakan akaun tunai bulanan antara bulan Ogos hingga Disember 2004. Isu kelewatan penyerahan ini sering dibangkitkan dalam Laporan Audit setiap tahun tetapi prestasi kawalan dan pemantauan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan masih tidak memuaskan. Pemungut hendaklah memberi perhatian sewajarnya untuk mengatasi masalah kelewatan ini. Selain mengemukakan surat peringatan pada setiap bulan, Perbendaharaan Negeri hendaklah mempertingkatkan lawatan ke Pejabat Pemungut yang bermasalah.

### **9.2.2 Penyerahan Penyata Pemungut**

Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 79(c), Perbendaharaan Negeri telah menetapkan setiap Pejabat Pemungut mengemukakan penyata pemungut selewat-lewatnya 2 hari selepas hasil pungutan dimasukkan ke bank. Sebanyak 91 penyata pemungut daripada 5 pejabat pemungut iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah, Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, Pejabat Tanah dan Galian Melaka, Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka dan Jabatan Ketua Menteri Bahagian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah lewat mengemukakan penyata pemungut antara 2 hingga 294 hari selepas sebulan dari tarikh kutipan. Penyata pemungut berkenaan adalah bagi bulan Mac, April, Mei, November dan Disember 2005 yang berjumlah RM1.35 juta. Kelewatan ini mengakibatkan Perbendaharaan Negeri tidak dapat mengakaunkan hasil kutipan dengan segera ke Buku Tunai Perbendaharaan Negeri. Walaupun Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan surat pekeliling mengenai kelewatan penyerahan penyata pemungut tetapi belum dapat menyelesaikan masalah ini sepenuhnya.

### **9.2.3 Kelewatan Memasukkan Wang Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan 78(a) menghendaki semua pungutan wang tunai yang melebihi RM500 yang ada di tangan hendaklah dimasukkan ke akaun bank Perbendaharaan pada hari berkenaan atau hari kerja yang berikutnya. Ini bertujuan sebagai langkah kawalan keselamatan daripada kehilangan atau penyalahgunaan wang tersebut. Sebanyak 118 penyata pemungut bagi kutipan tunai berjumlah

RM636,075 dari 5 pemungut hasil iaitu Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka, Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Melaka, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Zoo Melaka dan Pejabat Hutan Melaka bagi bulan Januari hingga Disember 2005 telah lewat dibankkan antara 2 hingga 15 hari. Pihak Audit mendapati kelewatan memasukkan wang ke bank tidak dibangkitkan sebagai satu kelemahan oleh Perbendaharaan Negeri. Sebagai langkah kawalan, kelewatan penyerahan Akaun Tunai Bulanan perlu dijadikan asas untuk lawatan susulan ke Jabatan terlibat bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi serta mengesan sama ada berlakunya penyelewengan atau sebaliknya.

#### **9.2.4 Penyata Penyesuaian Hasil**

Arahan Perbendaharaan 143(b) menghendaki Pegawai Pengawal menyesuaikan dan mengesahkan rekod hasil jabatannya dengan Laporan Terperinci Hasil yang dihantar setiap bulan oleh Perbendaharaan Negeri. Penyesuaian ini perlu disediakan supaya hasil yang dipungut telah diakaunkan dengan tepat dan betul. Penyata penyesuaian tersebut perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri pada tempoh 14 hari dari tarikh Laporan Terperinci Hasil diterima. Pada tahun 2005, sebanyak 14 daripada 41 Pemungut Hasil belum mengemukakan penyata penyesuaian hasil bagi bulan Ogos hingga Disember. Antara alasan yang diberikan oleh Pegawai Pengawal yang gagal menyediakan penyata ini adalah kerana tidak menerima Laporan Terperinci Hasil daripada Pejabat Perbendaharaan dan tiada kutipan hasil. Antara tindakan yang diambil oleh Perbendaharaan Negeri ialah melalui perbincangan, mesyuarat dan menghantar surat peringatan kepada pejabat pemungut. Oleh kerana kelemahan ini berulang pada setiap tahun tindakan tegas perlu diambil oleh Perbendaharaan Negeri terhadap Jabatan yang gagal mematuhi peraturan tersebut agar kelemahan yang sering dilaporkan ini tidak berterusan.

#### **9.2.5 Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Terimaan)**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Perbendaharaan Negeri hendaklah menyediakan penyata penyesuaian bank bulanan yang ditandatangani oleh Bendahari Negeri dan mengemukakan salinan kepada Audit tidak lewat 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Adalah didapati Perbendaharaan Negeri telah menyediakan penyata penyesuaian bank berserta dokumen sokongan yang lengkap tanpa kelewatan. Berdasarkan kepada butiran penyesuaian menunjukkan sejumlah RM36.86 juta daripada RM38.19 juta merupakan urus niaga di Buku Tunai tiada di bank pada tahun 2004 dan sebelum masih belum diselesaikan. Sejumlah RM252,859 merupakan kutipan antara bulan Jun hingga Disember 2005 telah diperakaunkan dua kali dalam Buku Tunai Terimaan sehingga pertengahan Mac 2006 disebabkan masalah sistem. Bagi urus niaga berjumlah RM990,000 merupakan kutipan yang dibankkan serta diperakaunkan di buku tunai Terimaan pada 3 Januari 2006 tetapi urus niaga ini diambil kira dalam baki Buku Tunai pada 31 Disember 2005.

#### **9.2.6 Cek Tidak Laku**

Cek tidak laku merupakan cek terimaan yang tidak dapat ditunaikan oleh Perbendaharaan Negeri kerana kesilapan tertentu seperti tandatangan tidak mencukupi dan kesilapan lain pada cek. Baki Akaun Penyelesaian Cek Tidak Laku pada tahun 2005 berjumlah RM224,712 berbanding RM419,272 pada tahun 2004. Pengurangan baki akaun ini disebabkan mulai Ogos 2005 Perbendaharaan Negeri telah menyelaraskan Cek Tidak Laku terus ke akaun hasil atau amanah yang berkenaan tanpa melalui Akaun Penyelesaian Cek Tidak Laku selaras dengan peraturan. Namun semakan Audit terhadap urus niaga debit di penyata bank yang belum selesai berjumlah RM183,806 adalah termasuk Cek Tidak Laku. Bagaimanapun sejumlah RM109,142 merupakan Cek Tidak Laku yang belum dipelaraskan semula ke akaun hasil atau amanah berkenaan sehingga Mac 2006. Walaupun baucar *posting* bagi tujuan pelarasian telah disediakan antara bulan Ogos hingga Oktober 2005 tetapi mengikut sistem SPEKS status baucar telah dibatalkan. Kelewatan membuat pelarasian ini menyebabkan baki buku tunai terimaan lebih diambil kira bagi tahun 2005.

#### **9.2.7 Tunggakan Hasil**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1986, semua Pemungut Hasil dikehendaki mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil setiap tahun kepada Perbendaharaan Negeri sebelum akhir bulan Februari tahun berikutnya. Semakan Audit mendapati kesemua Pemungut Hasil telah mengemukakan Penyata kepada Perbendaharaan Negeri. **Berdasarkan penyata yang diterima, tunggakan hasil pada akhir tahun 2005 berjumlah RM60.36 juta. Ini menunjukkan peningkatan yang tinggi sejumlah RM12.38 juta berbanding tunggakan hasil tahun 2004 yang berjumlah RM47.98 juta.**

Sebahagian besar daripada tunggakan hasil tersebut iaitu sejumlah RM32.33 juta atau 54% adalah tunggakan cukai tanah. Bagi menangani masalah tunggakan cukai tanah pihak berkuasa Pejabat Daerah Dan Tanah terus mengekalkan langkah-langkah berikut:

- a) Mengenal pasti dan mengasingkan akaun yang mana hak milik tanah telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri sebagai usaha untuk melaksanakan hapus kira tunggakan hasil;
- b) Mempergiatkan usaha yang sedia ada seperti mengadakan pembayaran secara kad kredit dan meluluskan bayaran tunggakan yang melebihi RM1,000 secara ansuran kepada syarikat atau individu; dan
- c) Pembukaan kaunter sementara di pusat membeli belah bagi kemudahan penghutang cukai membuat bayaran walaupun ketika membeli belah.

**Pada pendapat Audit, secara amnya kawalan hasil adalah baik. Walaupun begitu, tindakan yang lebih berkesan perlu diambil kepada pemilik syarikat yang merupakan penyumbang terbesar tunggakan cukai tanah.**

### **9.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab mengawal perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan oleh semua Jabatan Negeri. Pada tahun 2005, sejumlah RM242.95 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus. Manakala sejumlah RM142.81 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan projek pembangunan.

#### **9.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Bekalan, Pemilikan Harta Modal, Pemberian Dan Bayaran Tetap dan Pelbagai Perbelanjaan. Sejumlah RM299.57 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan tahun 2005. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM242.95 juta atau 81% telah dibelanjakan. Kedudukan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2005 berbanding dengan peruntukan yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2005**

Bil	Maksud Perbelanjaan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian %
1.	Emolumen	50.33	48.68	96
2.	Perkhidmatan Bekalan	70.13	63.57	90
3.	Pemilikan Harta Modal	5.84	5.12	87
4.	Pemberian Dan Bayaran Tetap	172.02	124.48	72
5.	Pelbagai Perbelanjaan	1.25	1.09	87
<b>Jumlah</b>		<b>299.57</b>	<b>242.95</b>	<b>81</b>

Sumber : Rekod Perbendaharaan Negeri Melaka

#### **a) Perbelanjaan Melebihi Peruntukan**

Arahan Perbendaharaan 54 menghendaki Pegawai Pengawal mengawal perbelanjaan dan peruntukan di dalam anggaran belanjawan di bawah kawalannya supaya peruntukan tidak terlebih dibelanjakan. Pada tahun 2005, sejumlah RM603,195 perbelanjaan Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli bagi Jabatan Agama Islam Melaka telah melebihi peruntukan yang diluluskan. Perbelanjaan melebihi peruntukan ini adalah disebabkan pembayaran upah dan perkhidmatan bagi Bahagian Pendidikan.

#### **b) Perbelanjaan Kurang 50% Dibelanjakan**

Sebanyak 9 butiran perbelanjaan berjumlah RM179,729 melibatkan 9 Jabatan telah kurang belanja 50% daripada peruntukan yang dibenarkan berjumlah RM678,749. Perbelanjaan yang paling kurang dibelanjakan adalah bagi 3 jabatan iaitu Jabatan Ketua Menteri, Dewan Undangan Negeri dan Jabatan Pertanian yang masing-masingnya berjumlah RM200, RM9,350 dan RM1,585 atau 1.99%, 4.46% dan 11.7% daripada RM10,040, RM209,590 dan RM13,550 peruntukan yang diluluskan bagi butiran Bahan-bahan Makanan Dan Minuman dan Harta Modal Yang Lain.

**c) Peruntukan Tambahan Tidak Perlu**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 52, permohonan untuk tambah peruntukan yang mana tambahan tersebut tidak dapat ditampung dengan cara pindah peruntukan maka tambahan peruntukan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Dewan Undangan Negeri untuk kelulusan. Pada tahun 2005, sebanyak 21 waran tambah peruntukan berjumlah RM12.62 juta telah diluluskan. Semakan Audit mendapati tambah peruntukan bagi 2 butiran untuk 2 Jabatan berjumlah RM232,820 tidak perlu kerana peruntukan asal berjumlah RM1.28 juta adalah mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebenar berjumlah RM587,602.

**9.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan**

Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2005 berjumlah RM142.81 juta iaitu 76% daripada peruntukan berjumlah RM187.77 juta. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan pembangunan mendapati perkara seperti berikut:

**a) Peruntukan Kurang 50% Dibelanjakan**

Adalah didapati 2 butiran perbelanjaan pembangunan berjumlah RM283,400 di bawah Jabatan Ketua Menteri (Perumahan) telah kurang belanja 50% daripada peruntukan yang dibenarkan berjumlah RM1.10 juta. Perbelanjaan yang paling kurang dibelanjakan adalah sejumlah RM138,400 atau 23% daripada RM600,000 peruntukan yang diluluskan bagi butiran projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Padang Sebang Alor Gajah. Manakala satu lagi butiran melibatkan projek PAKR Chinchin Jasin yang hanya RM145,000 atau 29% dibelanjakan berbanding peruntukan yang diluluskan berjumlah RM500,000.

**b) Peruntukan Tidak Dibelanjakan**

Pada tahun 2005, sejumlah RM16.09 juta bagi 4 butiran projek pembangunan iaitu PAKR Pulai berjumlah RM300,000, Pembangunan Rekreasi Sungai Udang berjumlah RM22,354, Empangan Jus berjumlah RM4.98 juta dan Pembangunan Kampung Portugis berjumlah RM10.81 juta tidak dibelanjakan langsung. Berdasarkan peruntukan yang dibuat menunjukkan projek ini dibiayai melalui sumber pinjaman Kerajaan Persekutuan. Pinjaman bagi projek Pembangunan Kampung Portugis telah diterima pada pertengahan Disember 2005. Oleh itu tiada perbelanjaan dibuat kerana pinjaman lewat diterima. Pinjaman bagi projek PAKR Pulai telah diterima pada awal Julai 2005 namun tiada perbelanjaan dibuat. Manakala projek Empangan Jus pula tiada pinjaman diterima pada tahun 2005.

**c) Pindah Peruntukan**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 51 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2001, Pegawai Pengawal diberi kuasa membuat pindah peruntukan daripada suatu butiran projek ke butiran projek di bawah maksud pembangunan yang sama bagi tahun yang berkenaan tidak lebih dari 50% peruntukan tahunan yang asal.

Sekiranya pindah peruntukan melebihi 50% peruntukan tahunan asal maka kelulusan Perbendaharaan Negeri hendaklah diperolehi. Pada tahun 2005, sebanyak 8 butiran pindah peruntukan bagi 4 jabatan yang berjumlah RM21.57 juta telah dibuat. Pihak Audit mendapati satu butiran pindah peruntukan bagi Jabatan Kerja Raya iaitu dari projek Mengadakan Kemudahan Baru ke projek Ubah Suai/Penyelenggaraan Bangunan-bangunan Dan Kawasan-kawasan yang berjumlah RM5.50 juta telah dibuat melebihi 50% peruntukan tahunan asal. Bagaimanapun ianya telah mendapat kelulusan Ketua Menteri. Selain itu, satu butiran pindah peruntukan bagi Jabatan Ketua Menteri (Perumahan) iaitu dari projek Membina Wisma Negeri Di MITC ke projek Pembangunan Rekreasi Sungai Udang yang berjumlah RM22,354 adalah tidak perlu kerana pada asalnya projek tersebut hanya diluluskan dengan peruntukan tanda (*token*) bagaimanapun setelah pindah peruntukan dibuat namun tiada perbelanjaan dilakukan.

### **9.3.3 Kawalan Pembayaran**

#### **a) Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran)**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Perbendaharaan Negeri hendaklah menyediakan penyata penyesuaian bank bulanan yang ditandatangani oleh Bendahari Negeri dan mengemukakan salinan kepada Jabatan Audit tidak lewat daripada 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Perbendaharaan Negeri telah menyediakan penyata penyesuaian bank berserta dokumen sokongan yang lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun tindakan perlu diambil bagi menyelesaikan perkara berikut:

##### **i) Bayaran Dalam Penyata Bank Tetapi Tidak Terdapat Dalam Buku Tunai**

Bayaran atau transaksi debit yang terdapat di penyata bank tetapi tiada dalam Buku Tunai sehingga 31 Disember 2005 berjumlah RM10.73 juta. Jumlah ini adalah terdiri daripada transaksi debit bagi tahun 2003, 2004 dan 2005 yang berjumlah RM5.49 juta, RM93,818 dan RM5.14 juta. Bagaimanapun sejumlah RM5.06 juta transaksi debit bagi tahun 2005 telah pun diambil kira ke Buku Tunai pada akhir Disember 2005. Sejumlah RM93,758 transaksi debit bagi tahun 2004 pula diambil kira ke dalam Buku Tunai pada akhir Disember 2004. Tindakan bagi menggugurkan/memperlakukan amaun tersebut dari Senarai Bayaran Di Penyata Bank Tetapi Tiada Dalam Buku Tunai perlu dibuat. Manakala keseluruhan transaksi debit bagi tahun 2003 dan baki transaksi debit tahun 2004 dan 2005 hendaklah dikenal pasti agar tindakan yang sewajarnya boleh dibuat.

##### **ii) Cek-cek/Bayaran Yang Belum Ditunaikan/Disesuaikan**

Senarai Cek Luput Yang Belum Ditunaikan sehingga 31 Disember 2005 adalah berjumlah RM8.10 juta. Jumlah ini adalah terdiri daripada senarai 154 cek yang luput tarikh antara tahun 2000 hingga 2005. Tindakan bagi mengenal pasti dan mengeluarkan cek-cek luput tarikh daripada senarai tersebut hendaklah dibuat

dengan mengambil kira cek-cek lalut tarikh berkenaan ke dalam Akaun Penyelesaian Cek Terbatal.

Secara keseluruhannya penyediaan Penyata Penyesuaian Bank Akaun Bayaran bagi tahun 2005 adalah bertambah baik berbanding tahun 2004. Namun tindakan seperti yang dinyatakan di atas perlu dibuat agar ianya tidak berlarutan sehingga ke tahun yang akan datang.

**b) Pengesahan Perbelanjaan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987, Pegawai Pengawal atau wakilnya hendaklah menyemak setiap bulan rekod perbelanjaannya dengan Laporan Terperinci Perbelanjaan yang diterima daripada Perbendaharaan Negeri. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan perlu di sedia dan dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri pada tempoh dua minggu dari tarikh Laporan Terperinci Perbelanjaan diterima. Semua 26 pejabat di peringkat negeri dan daerah yang direkod di dalam Daftar Laporan Perbelanjaan Bulanan tahun 2005 telah mengemukakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan sehingga Bulan Disember. Penyediaan dan penyerahan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan oleh jabatan-jabatan yang terlibat menunjukkan prestasi yang baik berbanding tahun 2004. Antara sebab pejabat dapat menyedia dan mengemukakan penyata ini adalah kerana adanya pemantauan oleh Perbendaharaan Negeri dan juga Pegawai Pengawal.

**c) Kawalan Cek**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 116, stok cek yang tidak digunakan hendaklah disimpan dalam peti besi dan kuncinya dipegang oleh pegawai yang bertanggungjawab. Secara keseluruhan kawalan ke atas stok cek adalah memuaskan. Semua cek yang diterima daripada bank telah direkodkan dan dikawal oleh Pegawai Penyelia. Stok cek yang belum digunakan pula disimpan di bilik kebal. Pegawai yang mengambil stok cek untuk digunakan akan menurunkan tandatangan dalam buku Daftar Stok Cek dan bilangan stok cek yang dikeluarkan adalah berdasarkan keperluan semasa. Selain itu tindakan tambahan telah diambil oleh Perbendaharaan Negeri dengan memaklumkan kepada pihak bank nombor siri cek bagi setiap 1,500 keping cek yang sedang dicetak. Teguran Audit berkenaan tiada tandatangan pegawai yang mengesahkan atau menyemak Daftar Stok Cek bagi setiap cek yang telah dikeluarkan pada tahun lepas telah diambil tindakan segera. Setiap cek yang dikeluarkan telah di tandatangan dan disahkan oleh pegawai yang berkenaan.

**d) Kawalan Cek Batal**

Cek batal adalah cek bayaran yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri yang tidak dapat ditunaikan oleh penerima kerana terdapat kesilapan tertentu seperti kesilapan ejaan nama, nombor kad pengenalan dan catatan jumlah cek bayaran.

Selain itu, cek batal juga berlaku sekiranya cek tidak ditunaikan selepas tamat tempoh lakunya. Cek yang dibatalkan dan diganti akan diperakaunkan dalam Akaun Penyelesaian Cek Terbatal. Pada tahun 2005 akaun ini mencatatkan baki debit berjumlah RM340,862. Ini menunjukkan bayaran cek ganti melebihi daripada cek yang telah dibatalkan. Baki debit ini bertambah sejumlah RM93,640 berbanding tahun 2004 yang berjumlah RM247,222. Oleh itu tindakan bagi membatalkan dan memperakaunkan cek yang telah tamat tempoh seperti mana yang ditunjukkan di Penyata Penyesuaian Bank perlu dibuat. Selain itu, Perbendaharaan Negeri hendaklah menyediakan satu senarai cek batal mengikut tahun yang diambil kira ke Akaun Penyelesaian Cek Terbatal. Tujuan senarai ini adalah untuk mengenal pasti cek batal yang tidak dituntut selepas 6 tahun hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil kecuali bagi cek yang pada asalnya di debit dari Akaun Amanah atau Akaun Pinjaman maka ianya harus dikreditkan ke Akaun Amanah atau Akaun Pinjaman berkenaan.

**e) Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)**

Peraturan kewangan membenarkan Perbendaharaan Negeri membayar baucar yang dikemukakan selepas bulan Januari tahun kewangan semasa bagi tanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum bulan Disember tahun sebelumnya. Arahan Perbendaharaan 58(a) menetapkan pembayaran bagi baucar tersebut boleh dibuat sekiranya Jabatan mempunyai baki peruntukan pada tahun perbelanjaan tersebut kena dibayar. Bagi tujuan ini, Perbendaharaan Negeri menyediakan daftar khas untuk merekodkan setiap baucar yang dikemukakan di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Semakan baki peruntukan akan dilakukan untuk memastikan setiap permohonan untuk pembayaran mempunyai baki peruntukan sebelum kelulusan diberi. Pada tahun 2005, Perbendaharaan Negeri menerima 382 baucar pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) yang berjumlah RM774,352. Walaupun pembayaran yang dibuat mematuhi peraturan, namun ianya telah meningkat sejumlah RM172,959 berbanding tahun 2004 yang berjumlah RM601,393 bagi 168 baucar. Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) akan menjelaskan peruntukan tahun semasa terutamanya bagi perbelanjaan yang dirancang. Oleh itu pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) hendaklah dibendung supaya ianya tidak menjelaskan peruntukan tahun semasa.

**f) Pembayaran Secara Tunai**

Arahan Perbendaharaan 96 membenarkan Ketua Jabatan membuat bayaran secara tunai dengan menggunakan baucar yang disokong dengan senarai nama penerima. Sekiranya bayaran tidak diagihkan pada tempoh 21 hari, baucar tersebut dan senarai nama penerima berserta wang yang tidak dapat dibayar hendaklah dikembalikan dengan segera kepada Perbendaharaan Negeri. Pejabat Perbendaharaan Negeri menyediakan sebuah daftar bagi bayaran sedemikian untuk memastikan pejabat yang membuat bayaran secara tunai mematuhi

peraturan ini. Antara Jabatan yang membuat bayaran secara tunai ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pertanian. Pada tahun 2005, sebanyak 147 baucar bernilai RM1.77 juta yang diserahkan antara bulan Januari hingga Disember 2005 masih belum dikembalikan kepada Bendahari Negeri. Kegagalan pihak Jabatan mengembalikan baucar tersebut bercanggah dengan peraturan yang telah ditetapkan. Tindakan tegas hendaklah dilaksanakan oleh Perbendaharaan Negeri supaya Jabatan mematuhi peraturan. Tindakan susulan dengan menghantar surat peringatan kepada Jabatan yang terlibat atau membuat lawatan ke pejabat berkenaan hendaklah dilaksanakan oleh Perbendaharaan Negeri bagi menentukan sama ada bayaran yang perlu dibahagikan telah sebenarnya diagihkan kepada penerima sebagaimana yang disenaraikan.

**g) Kelewatan Mengakaunkan Bayaran**

Baucar yang telah sempurna pembayarannya hendaklah diakaunkan dengan segera bagi mengelakkan dari berlakunya sebarang kemungkinan. Kelewatan mengakaunkan bayaran ini antaranya adalah kerana bayaran yang dibuat tidak disediakan dengan baucar bayaran dan juga berlakunya pembayaran segera. Pada tahun 2005, sebanyak 16 baucar bayaran yang berjumlah RM9.68 juta telah lewat diakaunkan ke dalam sistem SPEKS antara 4 hingga 21 hari. Kebanyakan bayaran tersebut adalah secara pindahan telegraf dan juga cek manual. Kelewatan mengakaunkan bayaran hendaklah dielakkan kerana ianya boleh membuka ruang berlakunya penyelewengan.

**h) Akaun Kena Bayar**

Perkhidmatan atau bekalan yang telah disempurnakan pada atau sebelum akhir tahun 2005 adalah dibenarkan dibayar di bawah Akaun Kena Bayar. Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan arahan pada bulan November 2005 membenarkan bayaran bagi perbelanjaan tahun 2005 di bawah Akaun Kena Bayar dibuat sehingga akhir bulan Januari 2006 sahaja. Penerimaan baucar Akaun Kena Bayar selepas tarikh tersebut adalah dianggap sebagai pembayaran lewat dan dikembalikan kepada Jabatan berkenaan untuk dibatalkan dan dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Pada tahun 2005, sebanyak 707 baucar bayaran yang bernilai RM10.65 juta telah dikenakan kepada Akaun Kena Bayar. Semakan Audit ke atas sampel 42 baucar bernilai RM7.80 juta yang dibayar di bawah Akaun Kena Bayar mendapati bayaran tersebut adalah perbelanjaan bagi tempoh bulan November hingga Disember 2004. Bagaimanapun, sejumlah RM81,300 daripada jumlah keseluruhan pembayaran Akaun Kena Bayar adalah bagi menjelaskan bayaran pelbagai Akaun Amanah. Walaupun jumlah ini berkurangan berbanding tahun 2004 namun amalan ini bertentangan dengan perenggan 5.3 Pekeliling Kewangan Dan Perakaunan Bil. 6 Tahun 2005.

**Secara keseluruhannya kelemahan kawalan perbelanjaan masih berlaku seperti mana yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun lalu. Perbendaharaan Negeri perlu mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan.**

#### **9.4 PENGURUSAN PINJAMAN**

Kerajaan Negeri boleh meminjam daripada Kerajaan Persekutuan dan institusi kewangan lain setelah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri seperti yang dinyatakan pada Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Negeri juga boleh memberi pinjaman kepada Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menampung perbelanjaan. Semakan Audit terhadap rekod pinjaman menunjukkan perkara berikut :

##### **9.4.1 Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan**

Mengikut Penyata Kewangan, hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.03 bilion. Jumlah tersebut merupakan baki pinjaman yang terhutang oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan Projek Bekalan Air, Rumah Awam Kos Rendah, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Kompleks Sukan Negeri dan pelbagai projek yang lain. Pinjaman sedia ada yang diperolehi telah digunakan untuk maksud Kumpulan Wang Pembangunan seperti yang diluluskan di Jadual Ketiga, Seksyen 10(1)(b), Akta Acara Kewangan 1957. Pada tahun 2005, Kerajaan Negeri telah menjelaskan bayaran balik pinjaman bagi keseluruhan projek berjumlah RM35.40 juta walaupun Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM35.44 juta. Ini disebabkan Kerajaan Negeri membayar balik hutang berdasarkan notis bayaran balik yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia. Manakala tiada sebarang pembayaran balik dilakukan terhadap tunggakan kerana tidak dibudgetkan. Walaupun tunggakan hutang pada tahun 2005 berjumlah RM48.53 juta tetapi kedudukan tanggungan sebenar tunggakan hutang Kerajaan Negeri hanya sejumlah RM12.58 juta. Ini disebabkan sejumlah RM35.95 juta adalah tunggakan hutang 2 Agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka sejumlah RM24.41 juta dan Perbadanan Air Melaka sejumlah RM11.54 juta. Semakan Audit mendapati Jadual bayaran balik dan semua perjanjian pinjaman sentiasa dikemas kini dan rekod tunggakan telah disediakan sebagai langkah pemantauan.

##### **9.4.2 Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain**

Kerajaan Negeri Melaka sentiasa berusaha membantu Agensi yang memerlukan bantuan kewangan untuk meningkatkan taraf pembangunan dan kemajuan penduduk di negeri ini. Baki pinjaman Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan badan lain pada tahun 2005 berbanding tahun 2004 adalah seperti di **Jadual 10**.

**Jadual 10**  
**Baki Pinjaman Badan Berkanun dan Badan Lain**  
**Pada 31 Disember 2005**

<b>Peminjam</b>	<b>Jumlah Pinjaman (RM Juta)</b>	<b>Baki Pinjaman</b>	
		<b>2004 (RM Juta)</b>	<b>2005 (RM Juta)</b>
<b>Badan Berkanun</b>			
Yayasan Melaka	5.00	5.00	2.46
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	12.52	12.10	11.10
Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	3.00	2.40	2.00
Kolej Teknologi Islam Melaka	34.02	32.52	33.52
<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>			
Majlis Perbandaran Alor Gajah	2.80	2.02	1.44
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	11.40	3.15	4.42
Majlis Daerah Jasin	3.12	1.53	3.06
<b>Badan Lain</b>			
Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Melaka	0.20	0.20	0.20
Institut Pengurusan Melaka	0.50	0.50	0.50
<b>Jumlah</b>	<b>72.56</b>	<b>59.42</b>	<b>58.70</b>

Sumber : Rekod Perbendaharaan Negeri Melaka

**a) Penyelenggaraan Rekod**

Pada tahun 2005, pinjaman baru yang dikeluarkan kepada 3 Agensi berjumlah RM4.79 juta. Semua perjanjian pinjaman baru ini telah ditandatangani. Rekod berkaitan pinjaman tersebut seperti salinan perjanjian pinjaman dan surat menyurat termasuk keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah di selenggara dengan sempurna. Bagaimana pun penyesuaian baki antara rekod Perbendaharaan Negeri dengan Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan terlibat tidak dibuat walaupun pengesahan baki yang diterima menunjukkan perbezaan. Selain itu, perakaunan ke atas faedah pinjaman juga tidak seragam.

**b) Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman**

Pada tahun 2005 tunggakan bayaran balik pinjaman oleh 4 Agensi kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM12.09 juta. Tunggakan ini adalah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 terdiri daripada Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka berjumlah RM7.24 juta, Kolej Teknologi Islam Melaka berjumlah RM3.92 juta dan Lain-lain Agensi berjumlah RM928,596. Bagi mengatasi masalah tunggakan ini penangguhan bayaran sehingga akhir 2004 telah diluluskan tetapi sehingga tamat tempoh penangguhan namun Agensi berkenaan masih gagal menjelaskan kesemua tunggakannya.

### **c) Bayaran Balik Pinjaman Secara Kontra**

Pada tahun 2005, sejumlah RM3.20 juta daripada terimaan bayaran balik pinjaman sumber Negeri berjumlah RM6.08 juta merupakan bayaran balik secara kontra projek/sumbangan. Namun hanya sejumlah RM584,731 telah dipelaraskan manakala sejumlah RM2.61 juta belum diperakaunkan dalam Akaun Amanah Pinjaman Kepada Badan-badan Berkanun dan Badan lain. Bayaran keseluruhan secara kontra yang belum diperakaunkan juga telah meningkat daripada berjumlah RM8.74 juta pada tahun 2003 kepada berjumlah RM11.35 juta pada tahun 2005. Di samping itu, sejumlah RM8.91 juta merupakan bayaran balik kontra oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka bagi pinjaman Sumber Persekutuan juga belum diperakaunkan. Kelulusan bayaran balik secara kontra pula tidak seragam yang mana sebahagian melalui kelulusan MMKN manakala sebagiannya melalui Pejabat Kewangan Negeri. Walaupun cara ini sangat berkesan bagi mengatasi masalah tunggakan hutang tetapi peruntukan kewangan sepatutnya diambil kira sebagai penyelesaian perakaunan. Oleh kerana bayaran balik pinjaman secara kontra menjadi trend semasa Kerajaan Negeri, garis panduan berhubung kelulusan, dokumentasi, asas penilaian projek, peruntukan kewangan, asas perakaunan serta langkah-langkah kawalan perlu disediakan untuk rujukan dan keseragaman.

**Pada pendapat Audit, dari segi perakaunan pinjaman masih memerlukan pemantauan atau penyeliaan yang lebih rapi. Garis panduan mengenai bayaran balik secara kontra perlu disediakan bagi tujuan kawalan, keseragaman dan perakaunan.**

## **9.5 PENGURUSAN PELABURAN**

Seksyen 8 Akta Acara Kewangan 1957 menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan yang dibuat melalui wang lebihan Akaun Hasil Disatukan ditunjuk di Lembaran Imbangsan. Manakala pelaburan melalui peruntukan belanja mengurus ditunjuk di Penyata Akaun Memorandum. Pada tahun 2005, pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM186.04 juta terdiri daripada simpanan tetap dan saham. Pelaburan ini dibuat dengan mematuhi undang-undang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan Negeri.

### **9.5.1 Simpanan Tetap**

Sehingga akhir bulan Disember 2005, simpanan tetap Kerajaan Negeri berjumlah RM27.33 juta berbanding RM52.79 juta pada tahun 2004. Daftar Simpanan Tetap diselenggarakan dengan teratur dan sijil simpanan tetap disimpan dengan selamat. Simpanan tetap telah diperbaharui mengikut tempoh yang ditetapkan dan tiada pengeluaran dibuat sebelum tempoh matang.

### **9.5.2 Saham**

Pada tahun 2005, pelaburan saham Kerajaan Negeri berjumlah RM186.04 juta berbanding RM175.47 juta pada tahun 2004. Jumlah saham sejumlah RM160.31 juta ditunjukkan di Lembaran Imbangan dan RM25.73 juta ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum pada tahun 2005. Saham di Lembaran Imbangan adalah terdiri daripada pelaburan saham oleh Tabung Amanah Melaka berjumlah RM159.29 juta. Di Penyata Akaun Memorandum, sejumlah RM16.80 juta adalah pelaburan saham syarikat melalui Perbadanan Ketua Menteri dan RM52.85 juta melalui Tabung Amanah Melaka. Rekod berkaitan saham dan penerimaan dividen telah di selenggara dengan memuaskan. Daftar Pelaburan Saham adalah dikemas kini dan teratur. Sijil saham disimpan dengan selamat berserta penyata saham dari *Malaysian Central Depository System*.

### **9.5.3 Pengurus Portfolio**

Pada tahun 2005 Kerajaan Negeri juga membuat pelaburan saham portfolio berjumlah RM12.93 juta yang diuruskan oleh pengurus dana yang dilantik. Sejumlah RM8.93 juta daripada pelaburan tersebut adalah atas nama **Perbadanan Ketua Menteri** manakala bakinya sejumlah RM4 juta atas nama **Tabung Amanah Melaka**. Sehingga akhir Disember 2005, sejumlah RM268,250 pendapatan telah diterima daripada pelaburan tersebut. Sejumlah RM233,715 daripada pendapatan tersebut adalah bagi Perbadanan Ketua Menteri sementara RM34,535 bagi Tabung Amanah Melaka.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan adalah baik di mana rekod serta daftar saham dan simpanan tetap telah diselenggarakan dengan kemas kini.**

## **9.6 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH, AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

Mengikut Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu adalah ditubuhkan melalui resolusi Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang ini mendapat peruntukan kewangan daripada Kerajaan dan perlu dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan selaras dengan tujuan Kumpulan Wang berkenaan. Akaun Amanah pula diwujudkan di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada Badan-badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Manakala Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya.

### **9.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam Dan Deposit**

Perbendaharaan Negeri menyenggara 5 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang terdiri daripada 44 Akaun Penyelesaian, 2 Akaun Perniagaan, 26 Akaun Pinjaman, satu Akaun Kumpulan Wang Luar Jangka dan 5 Pelbagai Kumpulan Wang. Selain itu,

Perbendaharaan juga menyelenggarakan 43 Akaun Amanah di bawah Kumpulan Wang Amanah Awam dan 36 akaun kecil di bawah Akaun Deposit. Pegawai Pengawal telah mengemukakan senarai baki individu deposit bagi menyokong baki yang ditunjukkan dalam rekod Jabatan dengan Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun 2005. Semakan Audit mendapati Penyata Penerimaan dan Pembayaran bagi Akaun Amanah disediakan dengan teratur dan lengkap.

#### **9.6.2 Kumpulan Wang Pendahuluan Kenderaan**

Sejumlah RM2.24 juta diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Pendahuluan Kenderaan dengan tujuan memberi kemudahan pinjaman kepada kakitangan awam membeli kenderaan. Pada tahun 2005, baki yang boleh dituntut berjumlah RM778,159. Semakan Audit terhadap lejar pinjaman kenderaan mendapati 164 peminjam mempunyai baki hutang berjumlah RM1.78 juta berbeza sejumlah RM998,263 berbanding baki boleh tuntut. Perbezaan ini terutamanya disebabkan bayaran faedah pinjaman yang belum diselaraskan ke Akaun Hasil Disatukan dan kesilapan mengambil kira baki lejar individu. Perbendaharaan Negeri tidak menyediakan penyata penyesuaian bagi menyokong perbezaan tersebut.

#### **9.6.2 Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer**

Peruntukan bagi Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer adalah berjumlah RM500,000. Pada tahun 2005, baki pinjaman yang boleh dituntut berjumlah RM20,876 berbanding baki lejar pinjaman berjumlah RM199,244. Perbezaan baki sejumlah RM178,368 tidak disokong dengan penyata penyesuaian. Pengauditan terhadap rekod pinjaman mendapati secara amnya pemberian pinjaman adalah teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan. Bayaran balik pinjaman melalui potongan gaji dibuat dengan segera dan dikemaskinikan ke kad lejar individu.

#### **9.6.3 Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun**

Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun diwujudkan bertujuan memberi pinjaman kepada Agensi untuk tujuan pembangunan dan kemajuan penduduk di negeri ini. Peruntukan Kumpulan Wang ini berjumlah RM65.66 juta. Baki yang boleh dituntut pada akhir tahun 2005 berjumlah RM62.18 juta dan menjadikan baki Kumpulan Wang sejumlah RM3.51 juta. Bayaran balik sejumlah RM6.08 juta telah diterima dari Agensi yang mana sejumlah RM2.88 juta dibayar secara tunai manakala sejumlah RM3.2 juta dibuat secara kontra projek/sumbangan. Bagi bayaran secara kontra yang telah mendapat kelulusan pada tahun 2002 hingga 2005 berjumlah RM11.35 juta masih belum diperakaunkan ke Kumpulan Wang ini kerana peruntukan tidak disediakan. Pinjaman baru yang dikeluarkan pada tahun 2005 berjumlah RM4.79 juta kepada 3 Agensi.

#### **9.6.4 Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan**

Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya diwujudkan bertujuan mengakaunkan wang pemberian daripada Kerajaan Persekutuan untuk digunakan khusus bagi aktiviti penyelenggaraan jalan raya negeri. Pada tahun 2005, pemberian jalan raya berjumlah RM25.67 juta diterima daripada Kerajaan Persekutuan tetapi telah diakaunkan ke Akaun Hasil Disatukan. Bagaimanapun hanya sejumlah RM19.95 juta telah dipindahkan dari peruntukan perbelanjaan mengurus ke Kumpulan Wang ini. Ini bermakna sejumlah RM5.72 juta tidak dapat digunakan mengikut tujuan asal pemberian berkenaan. Semakan Audit mendapati setiap perbelanjaan telah diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan dibelanjakan mengikut maksud yang diluluskan.

#### **9.6.5 Tabung Amanah Melaka**

Tabung ini ditubuhkan bagi maksud antaranya membuat kontrak, memperolehi, membeli dan mengambil harta alih dan tak alih selaras dengan Enakmen penubuhannya. Sehingga tahun 2005 sejumlah RM160.37 juta dari baki Akaun Tabung berjumlah RM94.08 juta adalah berbentuk tanah dan bangunan. Semakan Audit mendapati rekod tabung ini diselenggarakan dengan teratur. Namun begitu hanya 1 daripada 4 lot tanah dan bangunan yang dimiliki masih belum selesai dipindah milik kepada Tabung walaupun telah diperolehi sejak awal tahun 2003. Tanah dan bangunan tersebut telah disewakan tetapi deposit sewa bagi penyewaan 3 buah bangunan berjumlah RM1.50 juta seperti yang dibangkitkan pada tahun lalu masih tidak dibayar walaupun ada disyaratkan dalam perjanjian penyewaan. Penyewa juga telah gagal membayar sewa untuk beberapa bulan tertentu menyebabkan tunggakan sewa semakin meningkat dari RM4.43 juta pada tahun 2004 menjadi RM6.85 juta pada tahun 2005.

#### **9.6.6 Kumpulan Wang Amanah Bagi Projek PAKR Negeri Melaka**

Tabung ini diwujudkan bertujuan untuk membiayai pembangunan 9 buah projek Perumahan Awam Kos Rendah yang dibiayai daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan. Kumpulan Wang ini dikreditkan dengan penerimaan pinjaman berkenaan. Pada akhir tahun 2005, sejumlah RM3.34 juta telah dibelanjakan bagi bayaran kemajuan projek dan sejumlah RM20.88 juta penerimaan telah dikreditkan ke akaun ini. Antara penerimaan yang dikreditkan ke akaun ini ialah sejumlah RM17.12 juta pinjaman bagi 9 buah projek Perumahan Awam Kos Rendah yang diterima pada tahun 2005. Dengan penerimaan pinjaman ini menyebabkan pada akhir 2005 akaun tabung berbaki RM427,792 berbanding pada akhir 2004 yang berbaki debit RM17.11 juta.

#### **9.6.7 Tabung Amanah Pelancongan Negeri Melaka**

Tabung ini diwujudkan untuk membiayai aktiviti pelancongan di Negeri Melaka. Sumber penerimaan tabung ini adalah sumbangan daripada Kerajaan Negeri, agensi-agensi Kerajaan Negeri, pihak swasta, orang perseorangan dan sumber-sumber lain. Pada tahun 2005, sejumlah RM6.21 juta pembayaran telah dibuat untuk aktiviti

pelancongan di Negeri Melaka. Manakala sejumlah RM5.64 juta telah diterima daripada penyumbang dan sumber-sumber lain. Pada akhir tahun 2005 akaun tabung berbaki RM60,340. Bagaimana pun baki tabung ini tidak mengambil kira tunggakan bil-bil yang masih belum dijelaskan pada akhir tahun 2005 yang berjumlah RM894,979.

**Secara amnya, pengurusan beberapa Kumpulan Wang Amanah dan Akaun Amanah masih kurang memuaskan. Pengurusan dan penyelenggaraan rekodnya masih boleh diperbaiki dan diperkemaskan.**

#### **10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya pengurusan kewangan Perbendaharaan Negeri adalah bertambah baik. Walaupun begitu, tindakan yang berkesan perlu diambil bagi menangani kelemahan yang masih berulang dan dilaporkan dalam Laporan Audit terdahulu. Selain itu, Perbendaharaan Negeri perlu menjalankan pemantauan yang berterusan dari semasa ke semasa bagi memastikan Jabatan mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan.

## PENGURUSAN KEWANGAN PEJABAT TANAH

### 11. LATAR BELAKANG

Pada tahun 2005, Jabatan Audit Negara telah memilih Pejabat Tanah untuk diaudit pengurusan kewangannya. Pejabat yang telah dimaksudkan ialah Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin (Pejabat Tanah). Pejabat Tanah berperanan untuk melaksanakan pembangunan sosioekonomi selaras dengan dasar kerajaan dan menguruskan aktiviti pentadbiran tanah bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negeri. Jumlah hasil, perbelanjaan dan deposit bagi Pejabat Tanah untuk tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 11.**

**Jadual 11**  
**Jumlah Hasil, Perbelanjaan Dan Deposit**  
**Bagi Tahun 2005**

Jabatan/Pejabat	Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Deposit (RM Juta)
	2005	2005	2005
Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	15.59	4.85	2.13
<b>Jumlah</b>	<b>15.59</b>	<b>4.85</b>	<b>2.13</b>

Sumber: Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin

### 12. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta wujud kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, pengurusan perbelanjaan, amanah dan deposit serta pengurusan aset. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menentukan sama ada penyelenggaraan rekod kewangan adalah lengkap dan kemas kini. Skop pengauditan melibatkan pemeriksaan terhadap dokumen dan rekod kewangan tahun 2005 di Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin. Rekod utama yang diperiksa adalah terdiri daripada dokumen hasil, perbelanjaan, akaun amanah dan aset.

### 13. PENEMUAN AUDIT

#### 13.1 KAWALAN PENGURUSAN

**13.1.1** Pihak pengurusan bertanggungjawab menentukan operasi Jabatan dijalankan dengan teratur dan sistematik. Struktur organisasi yang baik perlu diwujudkan untuk membolehkan pihak pengurusan melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Kakitangan perlu dibekalkan dengan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja selaras

dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Selain itu, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun perlu ditubuhkan untuk memantau perjalanan pengurusan kewangan Jabatan.

**13.1.2** Pejabat Tanah telah mewujudkan struktur organisasi yang jelas bagi menggambarkan kedudukan hierarki, fungsi dan aktivitinya. Pembahagian tugas ada disediakan mengikut seksyen/unit yang diwujudkan dalam struktur organisasi tersebut dengan tujuan untuk melicinkan pengurusan dan pentadbiran harian. **Jadual 12** menunjukkan kedudukan pematuhan terhadap kawalan pengurusan Jabatan.

**Jadual 12**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Kawalan Pengurusan**

Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Pengurusan					
	a	b	c	d	e	f
Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	/	/	/	X	/	X

Nota : / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat
- b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini
- c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota
- d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini
- e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan
- f. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.

**13.1.3** Penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja adalah penting supaya kakitangan dapat mengetahui tugas dan tanggungjawabnya dengan jelas. Pejabat Tanah telah menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja untuk rujukan setiap kakitangan. Bagaimanapun, kandungan dokumen berkenaan tidak lengkap dan kemas kini. Antaranya beberapa dokumen iaitu senarai tugas dan carta organisasi. Maklum balas yang diterima menunjukkan usaha sedang dibuat untuk mengemas kini Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tersebut. Semakan Audit juga mendapati Pejabat Tanah telah menujuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Bagaimanapun, Pejabat Tanah tidak mengadakan mesyuarat setiap 3 bulan sekali mengikut kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004. Walau bagaimanapun Pejabat Tanah telah mengambil inisiatif mengadakan perbincangan berkaitan pengurusan kewangan dan akaun pada mesyuarat Pengurusan.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan adalah kurang memuaskan kerana Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja kakitangan tidak kemas kini. Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun juga tidak diadakan seperti mana yang ditetapkan dalam pekeliling berkenaan.**

## 13.2 KAWALAN HASIL

**13.2.1** Arahan Perbendaharaan menetapkan beberapa peraturan perlu dipatuhi dalam pengurusan hasil antaranya bagi memastikan semua pungutan dibuat dengan teratur, diperakaunkan dengan tepat dan dimasukkan ke bank dalam tempoh yang ditetapkan. Hasil yang dikutip oleh Pejabat Tanah terdiri daripada cukai tanah, premium tanah, ansuran sewa rumah awam, permit bahan batuan dan hasil tanah yang lain. Jumlah hasil yang dipungut pada tahun 2005 oleh Pejabat Tanah ialah RM15.59 juta.

**13.2.2** Pada umumnya kawalan hasil telah dilaksanakan dengan baik yang mana rekod dan dokumen kewangan telah diselenggarakan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Bagaimanapun beberapa peraturan mengenai kawalan hasil tidak dipatuhi sepenuhnya. Antaranya pemeriksaan mengejut terhadap wang tunai tidak dilakukan, Daftar Borang Hasil tidak di selenggara dengan lengkap, aspek keselamatan wang pejabat tidak diambil kira dan Penyata Penyesuaian Hasil lewat disediakan. Semakan Audit mendapati masih ada kelemahan yang perlu diperbaiki oleh Jabatan bagi memastikan peraturan kawalan hasil dipatuhi sepenuhnya. Kedudukan pematuhan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 13**

**Jadual 13**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Kawalan Hasil**

Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Hasil							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	/	/	/	/	/	X	X	TB

Nota : /: Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

TB : Tidak Berkenaan

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit
- c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
- f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga
- g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini
- h. Kebenaran Khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri semua aktiviti pungutan hasil

**13.2.3** Jabatan Audit mendapati antara kelemahan yang berlaku di Pejabat Tanah adalah seperti berikut:

**a) Daftar Mel**

Pemeriksaan Audit terhadap Daftar Mel mendapati tarikh dan nombor resit belum dikemas kini. Pelaksanaan daftar oleh Unit Hasil, Unit Pendaftaran dan Unit

Pembangunan Tanah tidak seragam kerana hanya Unit Hasil menyelenggarakan Daftar Mel manakala Unit Pendaftaran dan Unit Pembangunan Tanah bergantung pada rekod di Unit Pentadbiran. Pejabat Tanah perlu menilai keperluan menyelenggarakan Daftar Mel di semua unit bagi mengelakkan urusan merekodkan tarikh dan nombor resit secara berulang oleh Unit Pentadbiran dan unit lain yang terlibat memungut hasil.

**b) Borang Hasil**

Daftar Borang Hasil masih belum di selenggara dengan lengkap dan kemas kini kerana maklumat seperti tarikh pengeluaran stok, nama dan tandatangan penerima tidak dicatat dengan kemas kini. Pemeriksaan Audit mendapati terdapat perbezaan fizikal sebanyak 11 buku stok borang hasil berbanding baki fizikal yang masih tinggal iaitu 4 buku stok sahaja. Semakan Audit juga mendapati 3 buku resit Kew. 38 yang belum digunakan tiada dalam simpanan.

**c) Tuggakan Hasil**

Berdasarkan Penyata Tuggakan Hasil yang diterima tuggakan hasil di Pejabat Tanah sehingga Disember 2005 adalah berjumlah RM10.13 juta. Jumlah ini terdiri daripada tuggakan hasil tanah berjumlah RM8.82 juta dan ansuran sewa perumahan awam berjumlah RM1.31 juta. Semua tuggakan ini telah berlarutan antara 1 hingga 208 bulan. Bagaimanapun tuggakan ini telah menunjukkan penurunan sejumlah RM1.42 juta berbanding tuggakan hasil tahun 2004 yang berjumlah RM11.55 juta. Semakan Audit mendapati antara punca pengurangan tuggakan hasil adalah kerana pembatalan sejumlah RM1.71 juta cukai tanah yang dikenakan terhadap 436 pemilik. Pembatalan terhadap tuggakan dibuat kerana terdapat pemilik tanah yang telah terlibat dengan pengambilan balik tanah tetapi masih dikenakan cukai. Selain itu kewujudan 2 akaun berasingan bagi lot dan pemilik tanah yang sama juga berlaku. Kesilapan berlaku kerana data hak milik tanah di Pejabat Tanah dan Pejabat Tanah dan Galian tidak dikemas kini. Pejabat Tanah telah berusaha untuk mengurangkan tuggakan hasil dengan membuka kaunter pada hari cuti umum dan operasi di luar daerah, mengeluarkan notis tuggakan/peringatan dan mengadakan perjumpaan dengan pemilik rumah awam. Semakan Audit mendapati sewaan 2 premis kedai milik Jabatan juga masih belum dikutip. Sehingga September 2005 tuggakan berjumlah RM55,540 telah berlarutan antara 45 hingga 47 bulan.

**Jabatan Audit berpendapat pengurusan pungutan hasil masih kurang memuaskan bagi memastikan pungutan hasil dapat dimaksimumkan.**

### 13.3 KAWALAN PERBELANJAAN

**13.3.1** Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan, disokong dengan sewajarnya, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakaunkan dengan betul. Semakan Audit mendapati masih ada peraturan kewangan terhadap kawalan perbelanjaan yang tidak dipatuhi. Ketidakpatuhan yang berlaku adalah berpuncu daripada kurangnya penyeliaan dan pemantauan oleh Ketua Jabatan atau wakilnya. Maklumat lanjut berkaitan dengan pematuhan terhadap aspek kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Kawalan Perbelanjaan**

Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Perbelanjaan						
	a	b	c	d	e	f	g
Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	X	X	X	/	/	X	X

Nota : /: Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

TB : Tidak Berkenaan

- a. Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab
- b. Buku Vot disemak oleh pegawai penyelia
- c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini
- d. Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap
- e. Surat kuasa untuk tandatangani Pesanan Kerajaan
- f. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- g. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan

**13.3.2** Kelemahan kawalan pengurusan perbelanjaan di Pejabat Tanah adalah seperti berikut:

- a) Semakan Audit mendapati 14 bayaran berjumlah RM16,400 lewat dijelaskan antara 1 hingga 7 bulan. Manakala 12 bayaran berjumlah RM63,314 tidak disertakan dengan dokumen sokongan seperti invois atau surat tuntutan.
- b) Penyata Penyesuaian Perbelanjaan bagi tahun 2004 lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri antara 1 hingga 10 bulan manakala Penyata Penyesuaian Perbelanjaan bagi April hingga Ogos 2005 masih belum disediakan.
- c) Pada tahun 2004 dan 2005 sejumlah RM19,800 dan RM25,200 telah dibelanjakan oleh Jabatan bagi pembelian kad prabayar telefon bimbit. Semakan Audit mendapati kemudahan ini turut diberikan kepada 6 penolong pegawai Tadbir (Penghulu) walaupun belum mendapat kelulusan Perbendaharaan Negeri.

**Jabatan Audit berpendapat kawalan perbelanjaan Jabatan adalah kurang memuaskan.**

## **13.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/ DEPOSIT**

### **13.4.1 Pengurusan Deposit**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 156, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan Akaun Deposit di bawah jagaannya. Adalah didapati Pejabat Tanah telah menyelenggarakan Tabung Amanah Bencana Khas dan 9 Akaun Deposit bagi tujuan yang ditetapkan. Pejabat Tanah mempunyai baki bagi 9 Akaun Deposit berjumlah RM2.13 juta. Semakan rekod di Perbendaharaan Negeri mendapati Pejabat Tanah masih belum menyerahkan senarai baki deposit bagi 5 akaun deposit berjumlah RM1.40 juta. Pejabat Tanah juga belum menyelenggarakan Lejar Kawalan bagi 8 akaun deposit berjumlah RM1.80 juta. Semakan Audit mendapati sejumrah RM57,885 bagi deposit pengeluaran bahan batuan yang diterima daripada 62 pendeposit sejak tahun 1994 hingga 2003 masih belum diwartakan untuk diambil kira sebagai hasil Kerajaan Negeri. Daftar individu juga belum diselenggarakan bagi merekod penerimaan deposit dan bayaran pampasan yang telah dijelaskan kepada pemilik tanah untuk mengesahkan baki deposit yang dituntut oleh pemilik tanah.

### **13.4.2 Pengurusan Kumpulan Wang Amanah**

Semakan Audit di Pejabat Tanah mendapati Kumpulan Wang Pinjaman Komputer dan Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan telah dikendalikan dengan teratur dan memuaskan di mana rekod mengenai peminjam dan bayaran balik telah dikemaskinikan.

### **13.4.3 Pengurusan Akaun Amanah Lain**

Pejabat Tanah telah mewujudkan Tabung Bantuan Bencana untuk memberi bantuan segera kepada mangsa bencana alam dan had perbelanjaan yang dibenarkan tidak melebihi RM20,000. Pejabat Tanah perlu menyelenggarakan Buku Tunai selain dari Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan yang telah disediakan. Bagi memperkemasan lagi agihan bantuan kepada mangsa bencana, setiap penghulu yang diamanahkan untuk menunaikan cek bagi pihak penerima bantuan juga perlu diberi kuasa secara bertulis. Selain dari itu Pejabat Tanah perlu menggunakan Borang Kew. 48 sebagai baucar bayaran serta pemeriksaan terhadap buku cek perlu dilakukan untuk menentukan tidak berlaku kehilangan terhadap cek yang disimpan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan Akaun Amanah/Deposit adalah kurang memuaskan. Pihak pengurusan perlu memastikan segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan dalam pengurusan amanah dan deposit telah dipatuhi. Pemantauan yang berterusan dan berkesan boleh membantu mengatasi kelemahan pengurusan dari semasa ke semasa.**

## **13.5 PENGURUSAN ASET**

**13.5.1 Urusan perolehan, penggunaan, penyelenggaraan, penyimpanan dan pelupusan aset hendaklah dibuat dengan cekap, berhemat dan selaras dengan**

peraturan kewangan. Rekod berhubung engannya perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991. Semakan Audit mendapati kawalan pengurusan aset dan inventori adalah kurang memuaskan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Pengurusan Aset**

Jabatan/Pejabat	Peraturan Pengurusan Aset								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	X	X	X	X	X	/	X	/	/

Nota : /: Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

TB : Tidak Berkenaan

- a. *Daftar Harta Modal dan Inventori di selenggara dengan lengkap dan kemas kini*
- b. *Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori*
- c. *Aset mempunyai tanda pengenalan ‘Hak Milik Kerajaan’*
- d. *Verifikasi Stok dijalankan*
- e. *Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis*
- f. *Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan*
- g. *Buku Log Kenderaan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini*
- h. *Aset usang diambil tindakan pelupusan*
- i. *Pelupusan aset disegerakan*

**13.5.2** Kedudukan terperinci penemuan Audit terhadap beberapa aspek kawalan pengurusan aset di Pejabat Tanah mendapati Daftar Harta Modal (Kew.312) belum lengkap dan kemas kini manakala Daftar Pergerakan Harta Modal dan Inventori (Kew. 315) belum disediakan. Pegawai Pengawal juga perlu melantik pemverifikasi stok untuk memeriksa stok bekalan pejabat untuk memastikan ada kawalan ke atas stok yang dimiliki oleh Pejabat.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset Jabatan adalah kurang memuaskan. Pegawai Pengawal hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap aset dan memastikan wujudnya satu sistem kawalan dalaman yang cekap dan berkesan serta peraturan kewangan yang berkaitan dengan pengurusan aset perlu dipatuhi.

#### **14. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan di Pejabat Tanah boleh dipertingkatkan. Jabatan masih belum mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang ditetapkan dari aspek perakaunan hasil, kawalan perbelanjaan, penyelenggaraan aset dan pengurusan akaun deposit. Pematuhan terhadap peraturan kewangan yang ditetapkan dapat membantu Jabatan berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan, adalah disyorkan supaya Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun memainkan peranan yang lebih aktif bagi memantau urusan kewangan Jabatan. Tindakan perlu diambil bagi mempertingkatkan penyeliaan dan pemantauan supaya dapat mewujudkan sistem kawalan dalaman yang berkesan.

## PENGURUSAN KEWANGAN DI JABATAN PERTANIAN

### 15. LATAR BELAKANG

Pada tahun 2005 juga, Jabatan Audit Negara turut memilih Jabatan Pertanian Negeri Melaka (Jabatan Pertanian) untuk di audit pengurusan kewangannya,. Jabatan Pertanian memberi perkhidmatan dalam bidang pertanian melalui pendekatan penggunaan teknologi moden secara berkesan selain meningkatkan daya pengeluaran pertanian melalui penggunaan sumber negeri dan mempergiatkan sumbangan sektor pertanian ke arah pembangunan ekonomi Negeri Melaka. Jumlah hasil, perbelanjaan dan deposit bagi Jabatan tersebut bagi tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Jumlah Hasil, Perbelanjaan Dan Deposit**  
**Bagi Tahun 2005**

Jabatan/Pejabat	Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Deposit (RM Juta)
	2005	2005	2005
Jabatan Pertanian Negeri Melaka	0.05	6.24	-
<b>Jumlah</b>	<b>0.05</b>	<b>6.24</b>	<b>-</b>

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Melaka

### 16. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta wujud kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, pengurusan perbelanjaan, amanah dan deposit serta pengurusan aset. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menentukan sama ada penyelenggaraan rekod kewangan adalah lengkap dan kemas kini. Skop pengauditan melibatkan pemeriksaan terhadap dokumen dan rekod kewangan Jabatan bagi tahun 2005. Pemeriksaan ini dijalankan di Jabatan Pertanian Negeri Melaka dan Pusat Latihan Pertanian Sungai Udang, manakala lawatan Audit bagi pengesahan aset juga telah dibuat di Pejabat Pertanian Daerah Melaka Tengah, Alor Gajah, Jasin dan Selandar. Rekod utama yang diperiksa adalah terdiri daripada dokumen hasil, perbelanjaan, akaun amanah dan aset.

## 17. PENEMUAN AUDIT

### 17.1 KAWALAN PENGURUSAN

**17.1.1** Pihak pengurusan bertanggungjawab menentukan operasi Jabatan dijalankan dengan teratur dan sistematik. Struktur organisasi yang baik perlu diwujudkan untuk membolehkan pihak pengurusan melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Kakitangan perlu dibekalkan dengan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja selaras dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Selain itu, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun perlu ditubuhkan untuk memantau perjalanan pengurusan kewangan Jabatan.

**17.1.2** Jabatan Pertanian telah mewujudkan struktur organisasi yang jelas bagi menggambarkan kedudukan hierarki, fungsi dan aktivitinya. Pembahagian tugas ada disediakan mengikut seksyen/unit yang diwujudkan dalam struktur organisasi tersebut dengan tujuan untuk melicinkan pengurusan dan pentadbiran harian. **Jadual 17** menunjukkan kedudukan pematuhan terhadap kawalan pengurusan kesemua Jabatan.

**Jadual 17**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Kawalan Pengurusan**

Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Pengurusan					
	a	b	c	d	e	f
Jabatan Pertanian Negeri Melaka	/	X	/	X	/	/

Nota : / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat
- b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini
- c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota
- d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini
- e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan
- f. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.

**17.1.3** Penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja adalah penting supaya kakitangan dapat mengetahui tugas dan tanggungjawabnya dengan jelas. Jabatan Pertanian telah menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi setiap kakitangan. Bagaimanapun, kandungan dokumen berkenaan tidak lengkap dan kemas kini. Antaranya senarai tugas dan carta organisasi. Maklum balas yang diterima menunjukkan usaha sedang dibuat untuk mengemas kini Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tersebut. Semakan Audit juga mendapati Jabatan berkenaan telah menujuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun di mana kekerapan

mesyuarat Jawatankuasa tersebut telah dibuat mengikut kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 iaitu setiap 3 bulan sekali.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan boleh dipertingkatkan lagi dengan mengemas kini Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja kakitangan.**

## 17.2 KAWALAN HASIL

**17.2.1** Arahan Perbendaharaan menetapkan beberapa peraturan perlu dipatuhi dalam pengurusan hasil antaranya bagi memastikan semua pungutan dibuat dengan teratur, diperakaunkan dengan tepat serta dimasukkan ke bank dalam tempoh yang ditetapkan. Hasil yang dikutip oleh Jabatan Pertanian adalah terdiri dari hasil pertanian, sewaan kemudahan dan pendaftaran kursus dan sewaan tanah. Jumlah hasil yang dipungut pada tahun 2005 oleh Jabatan Pertanian ialah RM54,110.

**17.2.2** Pada umumnya kawalan hasil telah dilaksanakan dengan baik yang mana rekod dan dokumen kewangan telah diselenggarakan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Bagaimanapun beberapa peraturan mengenai kawalan hasil tidak dipatuhi sepenuhnya. Antaranya semakan Buku Tunai tidak dibuat dan Penyata Penyesuaian Hasil lewat disediakan. Semakan Audit mendapati masih ada kelemahan yang perlu diperbaiki oleh Jabatan bagi memastikan peraturan kawalan hasil dipatuhi sepenuhnya. Kedudukan pematuhan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Kawalan Hasil**

Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Hasil							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Jabatan Pertanian Negeri Melaka	/	X	/	/	/	/	X	TB

Nota : /: Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

TB : Tidak Berkenaan

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit
- c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
- f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga
- g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini
- h. Kebenaran Khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri semua aktiviti pungutan hasil

**17.2.3** Jabatan Audit mendapati antara kelemahan yang berlaku di Jabatan Pertanian adalah seperti berikut:

**a) Tunggakan Sewa Hasil Taman Buahan Tropika Selandar**

Pada Tahun 1999, Taman Buahan Tropika Selandar seluas 152 hektar telah dibangunkan berkonsepkan sebuah ladang buahan tropika yang moden, komersial, berteknologi dan menarik untuk dikunjungi. Perjanjian sewa tanah antara Kerajaan Negeri dan 34 pengusaha telah dibuat di mana setiap pengusaha dikehendaki menjelaskan bayaran sewa pada 15 Januari setiap tahun. Sehingga April 2005 sejumlah RM195,939 sewa yang masih tertungggak sejak tahun 1999 oleh 32 pengusaha. Jabatan telah mengambil tindakan susulan dengan cara memberi notis peringatan dan menarik balik tanah kepada pengusaha yang gagal menjelaskan tunggakan berkenaan. Bagaimanapun Pemungut Hasil Jabatan masih belum menyediakan Penyata Tunggakan Hasil mengenai sewaan tanah pada setiap tahun untuk dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri seperti dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1986.

**b) Pungutan Hasil Pusat Latihan Sungai Udang**

Pusat Latihan Sungai Udang menawarkan kursus kepada pengusaha yang berhasrat untuk menceburi bidang perniagaan dan merupakan tempat pelancongan. Kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Pertanian antaranya tempat penginapan/*chalet*, bangunan asrama, dewan, penyewaan kerusi dan meja, sistem audio, trem dan sebagainya telah diuruskan oleh sebuah syarikat mulai tahun 2004. Bagaimanapun tiada sebarang perjanjian ditandatangani antara Jabatan Pertanian dengan syarikat berkenaan. Semakan Audit mendapati kutipan bagi tiket masuk dan penggunaan semua kemudahan tersebut telah dikutip oleh syarikat berkenaan manakala kakitangan Jabatan telah digunakan untuk mengendalikan trem dan juga sebagai pemandu pelancong. Penyelenggaraan semua kemudahan yang disediakan juga telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian. Bagaimanapun kutipan hasil Jabatan tidak dapat disahkan memandangkan maklumat kutipan hasil yang diperolehi oleh syarikat tidak dimaklumkan kepada Jabatan. **Jabatan Audit berpendapat perjanjian bertulis perlu disediakan bagi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri agar tidak timbul sebarang pertikaian.**

**Jabatan Audit berpendapat kawalan dalam pengurusan pungutan hasil masih kurang memuaskan bagi memastikan pungutan hasil dapat dimaksimumkan. Selain itu kepentingan Kerajaan perlu diutamakan bagi mengelakkan kekurangan hasil kepada Kerajaan Negeri.**

### **17.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

**17.3.1** Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan, disokong dengan sewajarnya, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakaunkan dengan betul. Semakan Audit mendapati masih ada peraturan kewangan terhadap kawalan perbelanjaan yang tidak dipatuhi. Ketidakpatuhan yang berlaku adalah berpuncu daripada kurangnya penyeliaan dan pemantauan oleh Ketua Jabatan atau wakilnya. Maklumat lanjut

berkaitan dengan pematuhan terhadap aspek kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Kawalan Perbelanjaan**

Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Perbelanjaan						
	a	b	c	d	e	f	g
Jabatan Pertanian Negeri Melaka	/	X	/	/	/	X	X

Nota : /: Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

TB : Tidak Berkenaan

- a. Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab
- b. Buku Vot disemak oleh pegawai penyelia
- c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini
- d. Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap
- e. Surat kuasa untuk tandatangani Pesanan Kerajaan
- f. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- g. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan

**17.3.2** Kedudukan kawalan perbelanjaan di Jabatan Pertanian selain daripada yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut:

- a) Semakan Audit terhadap 6 sampel baucar bayaran mendapati pembekal gagal membekalkan barang berjumlah RM53,400 mengikut tempoh yang ditetapkan. Kelewatan penyerahan barang berlaku antara 20 hingga 35 hari dari tempoh ditetapkan. Pembekalan barang yang lewat dipenuhi antaranya adalah bekalan baja, anak benih, kawat duri dan tiang kayu pagar;
- b) Jabatan telah membuat perakuan penyerahan dan menjelaskan bayaran kepada 3 pembekal berjumlah RM33,940 walaupun barang masih belum diterima sepenuhnya;
- c) Daripada RM2.30 juta perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2004, 28.5% atau RM654,573 bagi 91 baucar merupakan perbelanjaan yang dibuat pada akhir tahun dan dibayar melalui Akaun Kena Bayar. Semakan Audit terhadap 15 sampel bayaran berjumlah RM355,228 menunjukkan antara perbelanjaan terlibat ialah bagi pembelian baja, anak benih pokok dan sayuran, racun serangga serta inventori. **Pihak Audit berpendapat pembayaran melalui Akaun Kena Bayar boleh dikurangkan sekiranya semua Jabatan membuat perancangan perbelanjaannya dengan rapi;**
- d) Jabatan tidak menyediakan anggaran sebagai perbandingan dengan pembekal ketika membuat pengurusan sebut harga. Pemilihan pembekal dibuat hanya berdasarkan penawaran harga yang terendah. **Pihak Audit berpendapat Jabatan perlu menyediakan anggaran sebut harganya sendiri dan tidak hanya bergantung pada penawaran harga yang terendah.** Semakan terhadap 6 sebut harga yang terpilih menunjukkan tiada sebarang perakuan/tandatangan diturunkan oleh Jawatankuasa Sebut Harga; dan

- e) Semakan Audit terhadap 130 borang sebut harga yang melibatkan 13 perolehan kerja/perkhidmatan hanya menggunakan borang yang mempunyai tandatangan Ketua Jabatan dan cop jawatan yang telah di fotostat. Sebagai kawalan perkara ini perlu dielakkan untuk memastikan borang ini tidak disalahgunakan.

Jabatan Audit berpendapat kawalan perbelanjaan kesemua Jabatan perlu dipertingkatkan dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan dan mewujudkan kawalan dalaman yang berkaitan menerusi penyeliaan dan pemantauan yang berterusan.

## 17.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH

### 17.4.1 Pengurusan Kumpulan Wang Amanah

Semakan Audit di Jabatan Pertanian mendapati Kumpulan Wang Pinjaman Komputer dan Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan telah dikendalikan dengan teratur dan memuaskan di mana rekod mengenai peminjam dan bayaran balik telah dikemaskinikan.

Pada pandangan Audit, pengurusan Akaun Amanah/Deposit adalah memuaskan. Pemantauan yang berterusan dan berkesan telah membantu mengatasi kelemahan pengurusan dari semasa ke semasa.

## 17.5 PENGURUSAN ASET

**17.5.1** Urusan perolehan, penggunaan, penyelenggaraan, penyimpanan dan pelupusan aset hendaklah dibuat dengan cekap, berhemat dan selaras dengan peraturan kewangan. Rekod berhubung dengannya perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991. Semakan Audit mendapati kawalan pengurusan aset dan inventori adalah kurang memuaskan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Pengurusan Aset**

Jabatan/Pejabat	Peraturan Pengurusan Aset								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Jabatan Pertanian Negeri Melaka	X	X	X	X	X	/	X	/	/

Nota : /: Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

TB : Tidak Berkenaan

- a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
- c. Aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan'

- d. *Verifikasi Stok dijalankan*
- e. *Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis*
- f. *Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan*
- g. *Buku Log Kenderaan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini*
- h. *Aset usang diambil tindakan pelupusan*
- i. *Pelupusan aset disegerakan*

**17.5.2** Pada tahun 2004 Jabatan Pertanian telah diberi peruntukan perbelanjaan pembangunan sejumlah RM2.44 juta dan pada tahun 2005 sejumlah RM2.71 juta yang mana merangkumi pembelian input pertanian antaranya baja, racun, kawat duri, kayu pagar dan lain keperluan pertanian. Jabatan Audit mendapati antara kelemahan kawalan pengurusan aset yang berlaku adalah seperti berikut:

**a) Pesanan Input Pertanian**

Permohonan keperluan input pertanian bagi 3 Pejabat daerah pertanian perlu dihantar ke Ibu Pejabat bagi membolehkan Jabatan mengumpul maklumat dalam merancang perolehan melalui sebut harga. Tempoh mengemukakan permohonan keperluan oleh daerah tidak ditetapkan oleh Ibu Pejabat menyebabkan permohonan bagi tahun 2004 dan 2005 hanya dikemukakan antara bulan Mei hingga November. Memandangkan kelewatan permohonan, pelawaan sebut harga bagi baja dan racun serangga hanya dilakukan pada bulan Oktober dan bekalan input pertanian perlu dibuat sebelum bulan November. Akibat kesuntukan masa pembekal tidak dapat membekalkan barang tersebut dalam tempoh ditetapkan dan pembayaran terpaksa dijelaskan melalui Akaun Kena Bayar. Pihak Audit berpendapat perancangan yang lebih berkesan dapat mengelakkan keadaan ini dan tempoh permohonan keperluan perlu ditetapkan oleh Ibu Pejabat untuk memastikan bekalan tidak lewat diterima.

**b) Penyimpanan Stok**

Penyelenggara stor di cawangan Sungai Udang terpaksa menolak penghantaran stok bekalan 3919 beg dan 30 botol baja serta 2,160 botol/kotak racun berjumlah RM243,828 kepada cawangan Selandar kerana stor di cawangan tersebut tidak mampu menampung stok yang banyak pada satu masa. Jabatan Audit berpendapat Jabatan seharusnya memikirkan kemampuan stor yang ada sebelum membuat pembelian bagi mengelakkan timbunan baja, racun dan sebagainya sehingga menyebabkan stor utama terpaksa menolak penghantaran ke cawangan lain. Penyimpanan stok racun dan baja di semua cawangan juga tidak teratur dan menyukarkan semakan fizikal dibuat. Kad kawalan stok tidak disediakan untuk memudahkan pemeriksaan stok. Semakan Audit mendapati sebahagian baja dan racun serangga yang dibeli sejak sebelum tahun 1995 masih belum digunakan. Keadaan ini telah menyebabkan ianya telah luput tempoh dan rosak. Pemeriksaan Audit mendapati ianya berpunca dari stok yang dipesan melebihi keperluan sebenar.

**c) Pengeluaran Stok Barang**

Pihak Audit sukar menentukan kesahihan jumlah pengeluaran bekalan bahan pertanian ke daerah memandangkan hanya akuan terimaan di Buku Stok tanpa dokumen lain yang mengesahkan penyerahan tersebut. Hasil semakan Audit mendapati jumlah yang terdapat pada kedua Buku Stok pengagih dan penerima adalah berbeza. Daftar Bekalan Stok di daerah belum diselenggarakan dengan kemas kini dan ini menyukarkan pemeriksaan stok dijalankan.

**d) Verifikasi Stok**

Semakan Audit mendapati Jabatan belum melantik pemverifikasi stok. Ini menyukarkan semakan fizikal dibuat dan Jabatan sukar merancang pembelian seterusnya jika baki stok berkurangan. Pemeriksaan stok baja dan racun tidak dapat dilakukan di Taman Buahan Tropika Selendar memandangkan Buku Stok masih belum di selenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengeluaran kesemua barang telah didaftarkan sejurus bekalan diterima dari pembekal, sedangkan terdapat banyak baki stok yang masih belum digunakan. Pihak Audit juga berpendapat pelupusan stok perlu dibuat memandangkan terdapat stok baja dan racun pertanian yang telah luput tempoh penggunaannya.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aset Jabatan adalah kurang memuaskan. Tindakan yang lebih serius perlu diambil terhadap keperluan mengemas kini rekod berkaitan agar pengurusannya menjadi lebih teratur dan kemas. Pegawai Pengawal hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap aset dan memastikan wujudnya satu sistem kawalan dalaman yang cekap dan berkesan serta peraturan kewangan yang berkaitan dengan pengurusan aset perlu dipatuhi.**

## **18. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan di Jabatan Pertanian boleh dipertingkatkan. Jabatan masih belum mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang ditetapkan dari aspek perakaunan hasil, kawalan perbelanjaan, penyelenggaraan aset dan pengurusan akaun deposit. Pematuhan terhadap peraturan kewangan yang ditetapkan dapat membantu Jabatan berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan, adalah disyorkan supaya Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun memainkan peranan yang lebih aktif bagi memantau urusan kewangan Jabatan. Tindakan perlu diambil bagi mempertingkatkan penyeliaan dan pemantauan supaya dapat mewujudkan sistem kawalan dalaman yang berkesan.

## **19. PROGRAM PENAMPILAN AUDIT**

### **19.1 LATAR BELAKANG**

Pada setiap tahun, beberapa Jabatan telah dipilih bagi tujuan pengauditan pengurusan kewangan dan hasil pengauditan ini dilaporkan dalam Laporan Audit Negeri. Pemilihan Jabatan yang diaudit secara kitaran menyebabkan setengah jabatan/pejabat terutamanya di peringkat cawangan/daerah jarang dilawati oleh pihak Audit. Melalui Program Penampilan Audit yang mula dilaksanakan pada tahun 2003, Jabatan/Pejabat cawangan di daerah lebih kerap dilawati dalam usaha mempertingkatkan tahap akauntabiliti dan pengurusan kewangan Jabatan. Program ini memberi penekanan kepada kawalan dalaman dan penyediaan rekod kewangan terutama mengenai pengurusan hasil.

### **19.2 OBJEKTIF PROGRAM**

Objektif Penampilan Audit adalah sebagai langkah pencegahan daripada berlakunya kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan di Jabatan/Pejabat yang dilawati. Ianya dapat mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan Audit mengenai pentingnya mengurus kewangan dan penyelenggaraan harta benda Kerajaan dengan cermat dan berhemat. Selain itu, pihak Audit dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan.

### **19.3 PELAKSANAAN**

**19.3.1** Dalam melaksanakan Program Penampilan Audit bagi tahun 2005, Jabatan Audit telah memilih beberapa Jabatan/Pejabat cawangan. Pemilihan ini dibuat mengikut keutamaan dan lebih tertumpu kepada Jabatan/Pejabat yang tidak pernah diaudit atau sudah melebihi 3 tahun tidak dilawat dan merupakan cawangan yang terletak jauh dari Ibu Pejabat. Tatacara pelaksanaan Penampilan Audit ini dimulakan dengan memaklumkan kepada Jabatan tujuan lawatan bagi Penampilan Audit serta berbincang dengan pihak Audit terhadap masalah yang dihadapi berhubung dengan pengurusan kewangan Jabatan. Pengauditan dilakukan dengan menilai kawalan dalaman serta menyemak rekod kewangan dan pematuhan kepada kehendak undang-undang dan peraturan kewangan. Fokus utama pengauditan bergantung kepada aktiviti utama Jabatan tersebut sama ada Jabatan merupakan pemungut hasil yang besar, membuat perbelanjaan yang tinggi atau mengurus sejumlah besar aset. Pengauditan ini mengambil masa 1 hingga 3 hari dan akan disusuli dengan surat pemerhatian Audit serta perbincangan bersama pihak Audit terhadap hasil pemeriksaan. Maklum balas Audit akan diterima semasa perbincangan atau melalui surat susulan dari Jabatan yang terlibat.

**19.3.2** Tumpuan pengauditan dilakukan dengan menyemak tugas yang perlu dilaksanakan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan seperti yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan dan Akta Acara Kewangan 1957. Senarai semak mengenainya disediakan bagi memastikan pengauditan yang dijalankan di semua Jabatan seragam.

**19.3.3** Sebanyak 9 Jabatan/Pejabat telah dipilih untuk dilawati sepanjang tahun 2005. Antara Jabatan/Pejabat yang dipilih adalah seperti Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pejabat Mufti, Mahkamah Syariah, Jabatan Perhutanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri. Semua Jabatan yang terlibat telah dilawati setiap 6 bulan atau 2 kali setahun untuk tujuan pemantauan.

#### **19.4 PENEMUAN AUDIT**

Hasil daripada pelaksanaan Penampilan Audit terhadap 9 Jabatan/Pejabat yang dipilih menunjukkan masih ada Jabatan/Pejabat yang gagal mematuhi sepenuhnya peraturan/pekeliling yang ditetapkan. Ringkasan penemuan Audit mengenai kawalan hasil, perbelanjaan dan aset adalah seperti di **Jadual 21**.

**Jadual 21**  
**Ringkasan Penemuan Penampilan Audit**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bilangan Lawatan	Pematuhan Terhadap Peraturan					
			Kawalan Hasil		Kawalan Perbelanjaan		Aset	
			M	TM	M	TM	M	TM
1.	Jabatan Ketua Menteri	2	1	1	2	-	2	-
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran	2	1	1	-	2	1	1
3.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2	1	1	2	-	1	1
4.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	2	2	-	2	-	2	-
5.	Pejabat Perhutanan Melaka	2	1	1	2	-	1	1
6.	Mahkamah Syariah	2	2	-	2	-	2	-
7.	Pejabat Mufti	2	TB	-	1	1	2	-
8.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	2	-	2	1	1	1	1
9.	Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri	2	TB	-	1	1	1	1

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Nota: \* Dua Jabatan tidak terlibat dengan Kawalan Hasil dan Aset

M = Memuaskan

TM = Tidak Memuaskan

TB = Tidak Berkenaan

#### 19.4.1 Kawalan Hasil

Pemeriksaan Audit mendapati kawalan hasil di semua Jabatan masih boleh dipertingkatkan. Penyata Penyesuaian Hasil lewat dikemukakan ke Pejabat Pembayar bagi Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan, Jabatan Veterinar dan Jabatan Ketua Menteri. Di Jabatan Kebajikan Masyarakat kutipan bantuan am dan derma yang diterima dari orang awam tidak dibankkan berjumlah RM3,785 manakala peti keselamatan di bilik kebal yang menyimpan wang tunai dan barang berharga kurang diberi perhatian di mana tiada pelantikan pegawai keselamatan dibuat. Semakan Audit mendapati Akaun Tunai bulanan lewat dikeluarkan antara 6 hingga 230 hari manakala Penyata Penyesuaian Hasil tidak disediakan sepanjang tahun 2005. Selain itu sumbangan yang diterima oleh Tabung Kebajikan Negeri Melaka juga tidak dikeluarkan resit.

#### 19.4.2 Kawalan Perbelanjaan

Pegawai Pengawal hendaklah mengawal peruntukan supaya tidak terlebih dibelanjakan. Selain itu rekod kewangan hendaklah disemak untuk memastikan ia telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. **Pemeriksaan Audit mendapati kawalan perbelanjaan tidak memuaskan di Jabatan Pengairan Dan Saliran serta**

**Jabatan Kebajikan Masyarakat di mana Penyata Penyesuaian Perbelanjaan lewat disediakan.** Semakan Audit pada bulan Februari 2006 mendapati Jabatan Pengairan Dan Saliran belum menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan bulan Mei hingga September 2005. Manakala Jabatan Kebajikan Masyarakat belum menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan bulan November dan Disember 2005. Laporan Perbelanjaan Mengurus lewat disediakan di Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat TYT manakala semakan Audit di Pejabat Mufti mendapati Buku Vot dan Daftar Bil tidak di selenggara dengan kemas kini oleh pegawai bertanggungjawab.

#### **19.4.3 Pengurusan Aset**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, aset hendaklah direkodkan di Daftar Harta Modal dan Inventori. Pemeriksaan Audit menunjukkan 5 Jabatan tidak menguruskan aset dengan teratur. Jabatan tersebut ialah Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pejabat Perhutanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri Melaka. Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan fizikal dan verifikasi stok masih belum dijalankan terhadap harta modal dan inventori. Selain itu, tindakan pelupusan tidak diambil terhadap aset yang usang atau tidak diperlukan.

### **19.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Adalah didapati tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan di Jabatan dan Pejabat yang dilawati adalah kurang memuaskan. Pegawai Pengawal perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap pengurusan kewangan Jabatannya. Penyeliaan dan pemantauan yang berterusan adalah perlu bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi secara berterusan di Jabatan/Pejabat berkenaan. Kursus dan latihan berkaitan pengurusan kewangan hendaklah diberi kepada pegawai dan kakitangan supaya mereka dapat menambah kemahiran dan kefahaman mengenai penyimpanan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Selain itu pegawai tertentu perlu ditugaskan untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan dan kawalan aset supaya pengurusannya dikendalikan mengikut prosedur yang ditetapkan.

## **20. PROGRAM ANAK ANGKAT**

### **20.1 PENDAHULUAN**

Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan. Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan adalah didapati kelemahan dalam pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan masih berlaku sungguhpun telah sering kali ditegur oleh pihak Audit. Sehubungan dengan itu, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk membantu Jabatan/Agensi berkenaan dengan melaksanakan program Anak Angkat. Melalui program

Anak Angkat beberapa Jabatan/Agensi bermasalah dalam pengurusan kewangan akan dipilih untuk diberi bimbingan dan nasihat bagi memantapkan pengurusan kewangannya.

## **20.2 OBJEKTIF PROGRAM**

Objektif program ini adalah untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri dalam meningkatkan tahap pengurusan kewangannya terutamanya berhubung penyelenggaraan rekod kewangan dan perakaunan.

## **20.3 PELAKSANAAN/PENDEKATAN**

Pemilihan Anak Angkat dibuat berdasarkan Jabatan/Agensi yang mempunyai kelemahan dalam pengurusan kewangan yang dikenal pasti melalui pemerhatian Audit yang sering dibangkitkan dan cadangan daripada Ketua Jabatan/Agensi yang menunjukkan inisiatif untuk memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan Jabatannya. Pada tahun 2005, sebanyak 2 Jabatan/Agensi telah dipilih untuk dijadikan Anak Angkat iaitu Pejabat Tanah Dan Galian Melaka dan Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM).

## **20.4 TATACARA PELAKSANAAN**

Jabatan/Agensi yang dipilih dalam Program Anak Angkat dimaklumkan melalui surat pelantikan rasmi dan *entrance conference* diadakan bagi memberi penjelasan lanjut mengenai program ini. Pihak Audit juga akan mendapatkan pandangan dan maklum balas Jabatan/Agensi berkenaan mengenai aspek penambahbaikan yang patut diberi penekanan. Satu perancangan diadakan bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan secara sistematik dan mencapai objektifnya. Jadual Lawatan Program Anak Angkat disediakan meliputi aktiviti Audit, tarikh dan tempoh masa lawatan serta pegawai Audit yang terlibat. Seterusnya melalui lawatan pertama, penilaian secara menyeluruh dibuat terhadap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi yang dipilih untuk mengenal pasti dan mencadangkan langkah pembetulan/pembaikan Pegawai dan kakitangan juga diberi bimbingan melaksanakan tugas pengurusan kewangan yang baik selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Bagi memastikan langkah pembaikan dan pembetulan diambil secara berterusan, lawatan ke Jabatan/Agensi dibuat paling kurang setiap 3 bulan sekali.

## **20.5 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI**

Hasil lawatan Audit ke Jabatan/Agensi di bawah program Anak Angkat beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti berikut:

- a) Fail Meja telah disediakan tetapi tidak dilengkapkan dengan kandungan yang ditetapkan;
- b) Pengesahan dan Penyesuaian Hasil lewat disediakan;

- c) Daftar Cek tidak Laku dan Daftar Mel tidak di selenggara dengan lengkap dan kemas kini;
- d) Kad Daftar Harta Modal masih tidak lengkap dan kemas kini;
- e) Pemeriksaan fizikal terhadap harta modal dan inventori tidak dijalankan 2 tahun sekali seperti mana ditetapkan;
- f) Buku Log tidak direkodkan dengan lengkap dan kemas kini. Buku Log untuk 2 buah kenderaan tidak dapat disemak kerana tidak dikemukakan;
- g) Kad inden tidak dikawal oleh Pegawai Pengangkutan tetapi disimpan oleh pemandu sendiri dan penggunaan kad inden minyak tidak direkodkan dengan lengkap dan kemas kini;
- h) Penggunaan kad “Touch n Go” tidak direkodkan dengan kemas kini dalam daftar;
- i) Pembelian bekalan alat pejabat masih belum direkodkan dalam daftar;
- j) Pendahuluan bagi membayai perbelanjaan mengurus telah diberi kepada anak syarikat tanpa kelulusan dari Lembaga Pengarah;
- k) Pembayaran dibuat atas nama pihak ketiga; dan
- l) Tuntutan perjalanan dibuat tanpa keterangan dan butiran lengkap.

## **20.6 TINDAKAN PEMBETULAN OLEH JABATAN/AGENSI**

Secara keseluruhannya Jabatan/Agensi menyambut baik program Anak Angkat dan telah memberi komitmen dan kerjasama yang sepenuhnya. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi antaranya adalah seperti berikut:

**20.6.1** Pejabat Tanah dan Galian Melaka telah berusaha untuk mengemas kini rekod pengurusan, perbelanjaan dan hasil. Bagi kelemahan yang masih berlaku, Jabatan telah bersetuju mengambil tindakan susulan untuk mengatasinya.

**20.6.2** Bagi PERTAM Daftar Mel telah dikemas kini dan butirannya telah ditambah. Kelulusan Lembaga Pengarah telah diperoleh bagi pemberian pendahuluan terkini kepada anak syarikat. Pihak pengurusan tidak lagi memberikan pendahuluan kepada anak syarikat. Pembayaran kepada pihak ketiga tidak lagi diamalkan manakala semua tuntutan perjalanan dibuat dengan mengemukakan keterangan dan butiran lengkap.

## **20.7 PENCAPAIAN**

Pada akhir tahun 2005, Pejabat Tanah dan Galian Melaka telah menunjukkan peningkatan yang baik dalam pengurusan kewangan berbanding tahun sebelumnya. Manakala PERTAM belum mencapai tahap yang memuaskan memandangkan program ini baru diperkenalkan pada pertengahan tahun 2005. Program ini akan diteruskan di PERTAM

pada tahun 2006. Jabatan/Agensi telah banyak memperbaiki pengurusan kewangan mereka semenjak program ini diperkenalkan.

#### **20.8 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya tahap pengurusan kewangan Jabatan di bawah program Anak Angkat adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Walaupun ada Jabatan yang masih kekal dalam program Anak Angkat pada tahun 2005 kerana tahap pengurusan kewangan yang masih belum memuaskan, Jabatan berkenaan telah bersetuju dengan keputusan tersebut. Jabatan berkenaan memberi jaminan akan lebih komited dalam menangani kelemahan pengurusan kewangan. Bagi Jabatan yang telah berjaya mempertingkatkan pengurusan kewangannya melalui program Anak Angkat adalah diharapkan Jabatan tersebut mengekalkan prestasinya.

**BAHAGIAN III**  
**BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM**  
**DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

## **21. PENDAHULUAN**

Seksyen 5 Akta Audit 1957 (Pindaan 1978) menerangkan tentang jenis akaun yang perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara. Antara akaun Agensi yang perlu diaudit meliputi Akaun Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga dikehendaki melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan dan pengauditan aktiviti Agensi bagi menentukan pengurusan kewangan Agensi mematuhi peraturan kewangan dan aktiviti dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Pada tahun 2005, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di Perbadanan Muzium Negeri Melaka. Bagi pengauditan aktiviti, satu kajian telah dijalankan di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah untuk dinilai prestasinya.

## **22. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**

Sehingga akhir tahun 2005, Kerajaan Negeri mempunyai 16 Agensi yang terdiri daripada 12 Badan Berkanun Negeri, 3 Pihak Berkuasa Tempatan dan 1 Majlis Agama Islam. Pada akhir tahun 2004 dan awal tahun 2005, terdapat pertambahan 4 Badan Berkanun Negeri iaitu Perbadanan Stadium Melaka, Perbadanan Bioteknologi Melaka, Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka dan Perbadanan Hang Tuah Jaya. Badan Berkanun Negeri yang baru ditubuhkan tersebut telah mula beroperasi pada tahun 2005. Bagi mempercepatkan pengauditan penyata kewangan, Jabatan Audit Negara telah melantik 5 firma swasta untuk mengaudit 8 Agensi bagi pihak Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta adalah selaras dengan peruntukan subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk melantik pihak yang berkebolehan menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Firma audit swasta dikehendaki menyediakan laporan terperinci mengenai keputusan pengauditan mereka dan menyerahkannya kepada Ketua Audit Negara. Walaupun pengauditan akaun Agensi telah dijalankan oleh firma audit swasta, pengeluaran Sijil Audit mengenai pendapat terhadap sesuatu akaun yang disediakan Agensi sama ada menunjukkan satu kedudukan yang benar dan munasabah masih menjadi tanggungjawab Ketua Audit Negara. Firma audit swasta dipantau oleh Jabatan Audit Negara bermula dari penyediaan memorandum

perancangan Audit sehingga selesai pengauditan dan laporan terperinci dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara. Agensi yang baru ditubuhkan pada tahun 2004 dan 2005 iaitu Perbadanan Stadium Melaka, Perbadanan Bioteknologi Melaka, Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka dan Perbadanan Hang Tuah Jaya dijangka dapat menyediakan penyata kewangan pertama bagi tahun berakhir 31 Disember 2005. Lembaga Perumahan Melaka yang telah ditubuhkan pada tahun 2002 belum menyediakan penyata kewangan sehingga kini kerana pengurusan kewangan Agensi ini masih di bawah pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

### **23. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

Mengikut undang-undang, semua Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam hendaklah diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Penyata itu hendaklah diserahkan kepada Ketua Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang. Kedudukan penyerahan penyata kewangan Agensi sehingga akhir bulan Disember 2005 adalah amat baik. Semua Agensi telah menyerahkan penyata kewangan tahun 2004 untuk diaudit. Ini kerana Jabatan Ketua Menteri Melaka, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Jabatan Audit Negara dan Agensi berkenaan telah bekerjasama dan mengambil langkah tertentu supaya semua penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 dapat diserahkan untuk diaudit pada tahun 2005.

### **24. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN**

Pada tahun 2005, sebanyak 11 penyata kewangan tahun 2004 telah diterima untuk diaudit. Sebanyak 11 Sijil Audit telah dikeluarkan pada tahun 2005 bagi 10 daripada 11 penyata kewangan tahun 2004 dan 1 penyata kewangan tahun 2003 yang diterima pada akhir tahun 2004. Sembilan penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran manakala 2 penyata kewangan diberi Sijil Berteguran. Kedudukan persijilan penyata kewangan bagi tahun 2004 dan 2003 yang dikeluarkan pada tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22**  
**Kedudukan Persijilan Penyata Kewangan Agensi**  
**Bagi Tahun 2004 Dan 2003**

Bil.	Nama Agensi	Tahun Akaun	Jenis Sijil Audit
1.	Yayasan Melaka	2004	Sijil Tanpa Teguran
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	2004	Sijil Tanpa Teguran
3.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	2004	Sijil Tanpa Teguran
4.	Perbadanan Muzium Melaka	2004	Sijil Tanpa Teguran
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	2004	Sijil Tanpa Teguran
6.	Perbadanan Air Melaka	2003 2004	Sijil Berteguran
7.	Majlis Sukan Negeri	2004	Sijil Tanpa Teguran
8.	Majlis Agama Islam Melaka	2004	Sijil Tanpa Teguran
9.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	2004	Sijil Tanpa Teguran
10.	Majlis Daerah Jasin	2004	Sijil Tanpa Teguran

*Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara*

Sijil Berteguran telah dikeluarkan kerana tidak mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan serta penyelenggaraan rekod perakaunan dan penyediaan jadual sokongan yang tidak memuaskan antaranya seperti berikut:

- a) Jadual sokongan yang lengkap dan tepat bagi penghutang bekalan air tidak disediakan bagi tujuan mengesahkan angka di Lembaran Imbangan; dan
- b) Rekod berkenaan pelaburan, penghutang pelanggan air dan deposit tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

## 25. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen penubuhan sesuatu Agensi menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Sehingga akhir bulan Disember 2005, hanya satu daripada 9 penyata kewangan bagi tahun berakhir 2004 yang telah disahkan dan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Selain itu masih terdapat 1 penyata kewangan bagi tahun berakhir 2003 yang telah disahkan tetapi masih belum dibentang. Penyata kewangan yang telah disahkan tetapi belum dibentangkan adalah seperti di **Jadual 23**.

**Jadual 23**  
**Penyata Kewangan Belum Dibentangkan Di Dewan Undangan Negeri**  
**Sehingga 31 Disember 2005**

Bil	Nama Agensi	Tahun Akaun Disahkan	Tarikh Sijil
1.	Perbadanan Air Melaka	2003	3.2.2005
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	2004	11.8.2005
3.	Majlis Daerah Jasin	2004	12.8.2005
4.	Yayasan Melaka	2004	16.8.2005
5.	Perbadanan Muzium Melaka	2004	7.9.2005
6.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	2004	28.9.2005
7.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	2004	11.10.2005

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

## 26. PRESTASI KEWANGAN

### 26.1 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN

Analisis terhadap Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 menunjukkan sebanyak 9 Agensi telah memperolehi *surplus* manakala 2 Agensi mengalami defisit iaitu Perbadanan Muzium Melaka dan Majlis Sukan Negeri Melaka. Selain itu, 4 Agensi mengalami tanggungan semasa melebihi aset semasanya. Agensi yang terlibat adalah Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka, Perbadanan Air Melaka, Perbadanan Muzium Melaka dan Majlis Daerah Jasin. Agensi berkenaan berkemungkinan akan menghadapi kesukaran menjelaskan tanggungan semasa, apabila sampai tempoh masa bayarannya. Oleh yang demikian, Agensi berkenaan memerlukan pengurusan modal kerja yang lebih baik. Kedudukan prestasi kewangan Agensi adalah seperti di **Jadual 24** dan **Jadual 25**.

**Jadual 24**  
**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2004**

Bil.	Nama Agensi	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31.12.2004			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2004		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/ (Defisit)	Aset Semasa	Lialibiliti Semasa	Harta Bersih Semasa
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Perbadanan Air Melaka	115.36	111.68	3.68	52.85	88.94	(36.09)
2.	Yayasan Melaka	38.81	36.96	1.85	76.98	51.98	25.00
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	33.05	28.14	4.91	152.21	118.27	33.94
4.	Majlis Agama Islam Melaka	18.04	16.72	1.32	13.3	2.77	10.53
5.	Perbadanan Muzium Melaka	4.86	4.89	(0.03)	0.35	0.74	(0.39)
6.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	4.06	3.65	0.41	11.67	41.13	(29.46)
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	3.57	3.44	0.13	0.84	0.06	0.78
8.	Majlis Sukan Negeri Melaka	1.82	1.94	(0.12)	0.20	0.07	0.13

Sumber : Penyata Kewangan Agensi

**Jadual 25**  
**Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2004**

Bil.	Nama Agensi	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31.12.2004			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2004		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/ (Defisit)	Aset Semasa	Lialibiliti Semasa	Harta Bersih Semasa
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	108.54	96.25	12.29	55.59	24.31	31.28
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	21.27	19.42	1.85	12.38	7.02	5.36
3.	Majlis Daerah Jasin	16.65	14.24	2.41	4.32	6.61	(2.29)

Sumber : Penyata Kewangan Agensi

## **26.2 TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN**

Tunggakan cukai taksiran bagi 3 Pihak Berkuasa Tempatan telah meningkat berbanding tahun 2003. Peningkatan tersebut adalah berjumlah RM2.66 juta daripada RM34.53 juta pada akhir tahun 2003 menjadi RM37.19 juta pada akhir tahun 2004. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh pertambahan premis dan taman perumahan. Butiran terperinci mengenai tunggakan cukai taksiran bagi tahun 2004 berbanding 2 tahun sebelumnya adalah seperti di **Jadual 26**.

**Jadual 26**  
**Tunggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Bagi Tahun 2002 Hingga 2004**

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		
		2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	29.43	27.76	29.34
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	10.93	4.75	5.60
3.	Majlis Daerah Jasin	2.12	2.02	2.25
<b>Jumlah</b>		<b>42.48</b>	<b>34.53</b>	<b>37.19</b>

Sumber : Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

## **PERBADANAN MUZIUM MELAKA**

### **PENGURUSAN KEWANGAN**

#### **27. LATAR BELAKANG**

Perbadanan Muzium Melaka (Perbadanan) ditubuhkan pada tahun 1992 di bawah Enakmen No. 11 Tahun 1992 Perbadanan Muzium Melaka dan mula berkuatkuasa pada 1 Mac 1993. Sebelum itu, Perbadanan dikenali sebagai Lembaga Muzium Melaka yang ditubuhkan melalui Enakmen Lembaga Muzium 1954 dan dipinda dalam tahun 1984. Objektif Perbadanan adalah untuk memajukan dan menyelaras aktiviti muzium bagi menjadikan muzium sebagai pusat pendidikan, penyelidikan dan pelancongan. Selain itu Perbadanan juga bertanggungjawab mengumpul, memulihara, mempamerkan pelbagai warisan sejarah koleksi negeri dan memastikan peninggalan khazanah negara sentiasa terpelihara untuk tatapan generasi sekarang serta akan datang. Perbadanan mempunyai tapak bersejarah di bawah pengurusannya iaitu Perigi Hang Tuah, Makam Tun Teja, bangunan Stadhuis, bangunan Pejabat Pos dan rumah Tradisional Melayu Melaka terdiri daripada Rumah Tradisional Melayu Bukit Godek, Pengkalan Batu, Pondok Kempas dan Bukit Palah. Perbadanan mempunyai 16 buah Muzium di bawah pengurusannya iaitu 14 buah di Melaka Tengah, sebuah di Alor Gajah dan sebuah lagi di Jasin. Antara Muzium tersebut adalah Muzium Samudera, Muzium Rakyat, Muzium Istana Kesultanan dan Muzium Islam. Perbadanan diterajui oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh 18 orang Ahli Lembaga Pengarah. Aktiviti Perbadanan diuruskan oleh Pengurus Besar.

#### **28. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Perbadanan adalah mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Skop pengauditan meliputi aspek kawalan pengurusan, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan wang amanah dan deposit serta pengurusan aset dan inventori. Pengauditan dijalankan terhadap rekod kewangan dan dokumen bagi tahun 2004 dan 2005. Selain itu, perbincangan dengan pegawai terlibat juga diadakan untuk mendapat ulasan dan penerangan lanjut.

## **29. PENEMUAN AUDIT**

### **29.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kawalan pengurusan yang baik adalah penting bagi memastikan pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

#### **29.1.1 Keahlian Lembaga Pengarah**

Menurut Enakmen Perbadanan Muzium Melaka 1992, Bahagian II Seksyen 4 (1)(a), Perbadanan hendaklah dipengerusikan oleh pegawai yang menyandang jawatan Ketua Menteri. Semakan Audit mendapati pada tahun 2004 dan 2005, pelantikan ahli Lembaga Pengarah telah mematuhi kehendak Enakmen kecuali bagi jawatan Penggerusi yang tidak diisi oleh Ketua Menteri. Pelantikan ahli Lembaga Pengarah telah diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pelantikan sebahagian ahli ini telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengikut keperluan Enakmen kerana tiada dokumen mengenainya disediakan.

#### **29.1.2 Struktur Organisasi Dan Sumber Tenaga**

Perjawatan Perbadanan telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak 115 perjawatan yang terdiri daripada 11 jawatan tetap, 66 jawatan kontrak dan 38 jawatan sementara. Daripada 115 perjawatan ini, 92 jawatan telah diisi manakala 23 jawatan masih kosong. Semakan Audit mendapati 115 perjawatan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah tetapi masih belum mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam. Perbadanan telah mengambil langkah proaktif menerusi perbincangan serta penyediaan kertas kerja mengenai penstrukturran semula di Perbadanan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri pada tahun 2004. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan, maklum balas daripada Jabatan Perkhidmatan Awam masih belum diperolehi.

Menurut Seksyen 20 Enakmen Perbadanan Muzium Melaka 1992, Perbadanan perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri bagi setiap pewujudan, pengubahsuaian jawatan atau skim perkhidmatan pegawai termasuk terma, syarat perkhidmatan dan gaji. Semakan Audit mendapati kelulusan bagi jawatan kontrak dan sementara telah diperolehi daripada Jawatankuasa Perjawatan Dan Perkhidmatan sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan tiada kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri.

### **29.1.3 Carta Organisasi**

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 7 Tahun 1991 menjelaskan carta organisasi perlu disediakan. Ia merupakan dokumen yang digunakan untuk menerangkan kedudukan pentadbiran Jabatan secara menyeluruh. Semakan Audit mendapati Perbadanan ada menyediakan carta organisasi. Bagaimanapun, maklumat terperinci mengenai taraf perjawatan yang telah diluluskan dan pengisian jawatan di carta organisasi tersebut tidak ditunjukkan dengan lebih tepat dan jelas. Perbadanan juga masih belum mempamerkan carta organisasi di pejabat.

### **29.1.4 Manual Prosedur Kerja**

Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 8 Tahun 1991 setiap Jabatan atau pejabat perlu menyediakan Manual Prosedur Kerja yang merupakan dokumen rujukan utama yang akan dapat membantunya berfungsi dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati Perbadanan masih belum menyediakan Manual Prosedur Kerja.

### **29.1.5 Fail Meja Dan Senarai Tugas**

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 telah menetapkan perlunya menyediakan Fail Meja yang merupakan dokumen rujukan untuk setiap pegawai bagi menjalankan tugasnya setiap hari. Semakan Audit mendapati Fail Meja dan senarai tugas untuk setiap pegawai telah disediakan. Bagaimanapun Fail Meja tersebut tidak dikemas kini. Antara kandungan yang tidak lengkap adalah carta organisasi terkini, carta organisasi kedudukan pegawai, senarai jawatankuasa yang di anggotai dan senarai borang yang digunakan.

### **29.1.6 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 menghendaki Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun ditubuhkan bagi meningkatkan pengurusan kewangan dan akaun di Perbadanan. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini telah ditubuhkan dan dianggotai oleh seramai 20 orang ahli terdiri daripada pihak pengurusan dan kakitangan Perbadanan. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 3 kali pada tahun 2004 dan 2 kali sehingga September 2005.

### **29.1.7 Kursus Dan Latihan Kepada Kakitangan**

Kursus dan latihan yang berterusan adalah penting bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan kerja setiap kakitangan. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah mengambil inisiatif menghantar kakitangan mengikuti latihan berkaitan dengan

bidang kerja kakitangan. Pada tahun 2004, sebanyak 13 kursus berkaitan pengurusan kewangan telah dihadiri oleh 9 orang pegawai. Antara kursus tersebut adalah pengurusan harta modal, stor dan inventori, pengurusan dan penyediaan bajet, pemisahan dan pelupusan rekod dan pengurusan penyelenggaraan bangunan.

**Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat kawalan pengurusan Perbadanan masih kurang memuaskan.**

## **29.2 KAWALAN HASIL**

Perbadanan bertanggungjawab mengakaunkan semua hasil yang dipungut dan memastikan rekod berkaitan disediakan dengan teratur dan kemas kini. Pada tahun 2005, pendapatan Perbadanan berjumlah RM4,58 juta. Hasil Perbadanan adalah terdiri daripada geran Kerajaan Negeri dan Persekutuan, sumbangan, kutipan masuk Muzium, faedah diterima dan pendapatan pelbagai. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah mematuhi peraturan mengenai kawalan hasil seperti berikut:

- a) Pengasingan tugas terhadap pungutan hasil telah dipatuhi;
- b) Kutipan hasil telah direkodkan dalam rekod yang berkaitan dengan kemaskini, dan
- c) Pungutan hasil telah dibankkan dengan segera.

Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

### **29.2.1 Kutipan Masuk Muzium**

Perbadanan mempunyai 10 kaunter kutipan tiket bagi kemasukan ke 16 buah Muzium. Menurut AP 137(a), Ketua Pejabat adalah bertanggungjawab terhadap penjagaan yang selamat terhadap wang tunai dalam perjalanan di antara pejabat dan bank. Semakan Audit mendapati tiada kawalan keselamatan terhadap wang tunai dalam perjalanan tempat memungut atau pejabat dan bank. Ini adalah kerana pegawai yang ditugaskan tidak diiringi sama ada oleh pegawai keselamatan ataupun pegawai Perbadanan. Amaun yang dipungut tidak menentu dan ada kalanya mencecah RM20,000 sehari.

### **29.2.2 Kutipan Hasil di Pejabat Kewangan**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 125, peti besi perlu mempunyai 2 kunci berasingan atau nombor kombinasi yang dipertanggungjawabkan kepada 2 orang pegawai. Semakan Audit mendapati kunci peti besi dipertanggungjawabkan kepada Pengurus Pentadbiran dan Kewangan manakala nombor kombinasi peti besi tersebut diketahui

oleh 4 pegawai di Bahagian Kewangan. Pada pandangan Audit, Perbadanan patut menghadkan tanggungjawab memegang kunci dan nombor kombinasi kepada 2 pegawai dan penurunan kuasa mengenai tanggungjawab ini perlu dinyatakan.

#### **29.2.3 Kebenaran Bertulis Menerima Dan Memasukkan Wang Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan 69 menyatakan seseorang pegawai tidak boleh menerima wang melainkan diberi kuasa bertulis oleh pihak pengurusan. Rekod mengenai penurunan kuasa perlu diselenggarakan. Arahan Perbendaharaan 11 juga menyatakan had kuasa perwakilan dalam menjalankan tugas hendaklah dinyatakan dengan jelas. Ini bertujuan memudahkan Ketua Jabatan menentukan pegawai atau kakitangan yang bertanggungjawab dalam sesuatu hal kewangan. Semakan Audit mendapati penurunan kuasa secara bertulis tidak diberikan kepada pegawai yang bertanggungjawab memungut, menerima dan mendepositkan wang ke bank.

#### **29.2.4 Daftar Borang Hasil**

Arahan Perbendaharaan 67 menghendaki supaya stok buku resit/borang hasil yang diterima direkodkan dengan kemas kini dalam Daftar Borang Hasil. Borang hasil yang digunakan di Perbadanan adalah Kew 38 dan kupon tiket masuk ke muzium. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah menyelenggara Daftar Borang Hasil bagi resit Kew. 38 dan kupon tiket masuk ke muzium.

#### **29.2.5 Penyimpanan Dan Semakan Stok Resit**

Semakan yang dibuat terhadap stok resit mendapati perkara seperti berikut:

- a) Arahan Perbendaharaan 66(a) menghendaki semua stok resit, lesen dan lain-lain disimpan oleh seorang pegawai kanan yang tidak menyediakan resit dan membuat pungutan. Semakan Audit mendapati stok borang hasil tidak disimpan oleh pegawai kanan tetapi disimpan oleh pegawai tadbir yang bertanggungjawab menyediakan resit dan membuat pungutan.
- b) Arahan Perbendaharaan 68 menghendaki semua stok resit dan lain-lain yang belum/tidak digunakan disimpan di tempat yang selamat dan berkunci. Semakan Audit mendapati buku resit Kew 38 sebanyak 127 buah buku tidak disimpan di stor berkunci sebaliknya hanya disimpan di satu sudut pejabat Bahagian Kewangan. Bagaimanapun stok kupon tiket muzium yang belum digunakan disimpan di dalam stor yang berkunci.

#### **29.2.6 Buku Tunai**

Arahan Perbendaharaan 72 dan 80(b) menghendaki setiap pemungut menyelenggara Buku Tunai dengan kemas kini dan diperiksa setiap hari oleh pegawai bertanggungjawab bagi menentukan semua kutipan diakaunkan dengan betul. Semakan Audit mendapati Perbadanan menyediakan Buku Tunai menggunakan sistem perakaunan UBS dan transaksi telah direkodkan mengikut susunan urusan berlaku. Bagaimanapun, tiada bukti semakan telah dibuat bagi mengesahkan catatan perakaunan dibuat dengan betul.

#### **29.2.7 Daftar Mel**

Arahan Perbendaharaan 71 menghendaki Daftar Mel diselenggarakan untuk merekodkan kiriman wang, dokumen dan barang berharga yang diterima melalui pos atau penghantar. Semua maklumat seperti tarikh, nama pengirim, nombor pendaftaran bungkusan/amaun dan perihal barang hendaklah dicatatkan dalam daftar tersebut. Semakan Audit mendapati Perbadanan masih belum menyelenggara Daftar Mel.

#### **29.2.8 Daftar Pemeriksaan Mengejut**

Menurut Arahan Perbendaharan 309, pemeriksaan mengejut ke atas peti besi, peti wang tunai atau wang jagaan seseorang pegawai di dalam jabatannya perlu dilakukan secara berkala iaitu minima 6 bulan sekali. Pemeriksaan mengejut perlu direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah melantik pegawai bagi melaksanakan pemeriksaan mengejut tetapi sehingga akhir tahun 2005 Perbadanan masih belum melaksanakan pemeriksaan mengejut. Perbadanan juga masih belum menyelenggara Daftar Pemeriksaan Mengejut.

#### **29.2.9 Tuggakan Sewa Gerai**

Perbadanan turut menyewakan sejumlah 14 gerai kepada orang awam untuk tujuan perniagaan dengan kadar sewaan bulanan yang ditetapkan. Perbadanan mula menyediakan perjanjian bagi sewaan gerai selepas tahun 2001. Sehingga bulan September 2005, tuggakan sewa gerai berjumlah RM105,855 yang mana sebahagian besarnya merupakan tuggakan sewa sebelum tahun 2001 berjumlah RM98,925. Kesemua penyewa tersebut telah ditamatkan tempoh penyewaannya dan Perbadanan kini menghadapi masalah menghubungi penyewa bagi mengutip tuggakan sewa. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah mencadangkan kepada Jawatankuasa Kewangan supaya tuggakan sewa dihapus kira. Bagaimanapun, Jawatankuasa Kewangan telah memutuskan usaha mengutip tuggakan sewa tersebut diteruskan

melalui penyiaran iklan di akhbar. Perbadanan juga telah mengambil langkah mempertingkatkan kawalan dengan penyediaan perjanjian sewaan dan pemantauan.

**Pada keseluruhannya, kawalan dalaman terhadap kutipan hasil Perbadanan adalah kurang memuaskan. Oleh itu ia masih perlu diperkemas lagi bagi memastikan pengurusan hasilnya dijalankan mengikut peraturan kewangan.**

### **29.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Kawalan perbelanjaan yang cekap merupakan aspek penting untuk memastikan perbelanjaan diuruskan dengan ekonomi dan mengelakkan pembaziran. Peruntukan yang diterima perlu dikawal supaya perbelanjaan yang dilakukan mengikut tujuan yang ditentukan serta diperakaunkan dengan betul dan kemaskini. Pada tahun 2005 Perbadanan telah membelanjakan sejumlah RM4.4 juta bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Pemeriksaan Audit mendapati Perbadanan telah mematuhi peraturan mengenai kawalan perbelanjaan seperti berikut:

- a) Buku tunai dan penyata penyesuaian bank bulanan juga telah disediakan dengan lengkap dan kemas kini;
- b) Daftar Bil menggunakan Buku Daftar Kew 296-Pin 1/83 diselenggarakan seperti yang dikehendaki oleh Arahan Perbendaharaan 103 (b);
- c) Pelantikan dan pelaksanaan Jawatankuasa Pemilihan dan Pembuka Sebut Harga/Tender telah dikendalikan dengan baik selaras dengan Arahan Perbendaharaan 197.2(a); dan
- d) Pengurusan perolehan melalui sebut harga dan tender telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Bagaimanapun beberapa kelemahan dalam kawalan perbelanjaan perlu diberi perhatian dan diperbaiki antaranya seperti berikut:

#### **29.3.1 Kawalan Peruntukan**

Kawalan peruntukan merupakan satu proses bagi memastikan peruntukan kewangan yang diterima, dibelanjakan dan diakaunkan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Mengikut Seksyen 29 Enakmen Perbadanan satu anggaran tambahan boleh disediakan sekiranya perlu dan mestilah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Arahan Perbendaharaan 54, menetapkan supaya Pegawai Pengawal memastikan perbelanjaan dibawah kawalannya tidak terlebih dibelanjakan. Analisis ke

atas beberapa butiran perbelanjaan Perbadanan mendapati sebanyak 5 butiran perbelanjaan telah terlebih dibelanjakan berjumlah RM312,143. Antara perbelanjaan tersebut adalah faedah kewangan, perhubungan, utiliti, penyelenggaraan dan pembaikan kecil.

#### **29.3.2 Buku Vot**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 95, semua perbelanjaan, tanggungan dan perubahan kepada peruntukan hendaklah dikawal melalui Buku Vot bagi memastikan perbelanjaan yang dibuat tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Semakan Audit mendapati Perbadanan ada menyelenggara Buku Vot secara manual. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan ketika penyelenggaraan Buku Vot seperti berikut:

##### **a) Pengesahan Terhadap Baki Peruntukan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987, pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan baucar bayaran perlu menyemak baki peruntukan dan perbelanjaan itu direkod ke dalam Buku Vot. Arahan Perbendaharaan 92 (b)(ii) pula melarang seseorang pegawai meluluskan bayaran yang boleh mengakibatkan tanggungan tidak mampu untuk diselesaikan. Pihak Audit dimaklumkan amalan ini tidak dipraktikkan kerana terdapat perbelanjaan yang telah diluluskan walaupun baki peruntukan tidak mencukupi.

##### **b) Tanggungan Perbelanjaan**

Arahan Perbendaharaan 95(a)(iv) menghendaki tanggungan diambil kira berdasarkan masa bila ia dilakukan. Semakan Audit mendapati sebanyak 25 pesanan tempatan yang diluluskan lewat direkodkan sebagai tanggungan di Buku Vot iaitu antara 2 hingga 61 hari.

#### **29.3.3 Surat Kuasa Menandatangani Baucar**

Arahan Perbendaharaan 101, membenarkan Pegawai Pengawal mewakilkan kuasa secara bertulis kepada pegawai yang dipertanggungjawabkan bagi menandatangani baucar. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah Perbadanan masih belum melaksanakan penurunan kuasa secara bertulis kepada pegawai yang meluluskan perbelanjaan. Surat kuasa berkenaan perlu dikeluarkan sebagai langkah kawalan supaya sesuatu pembayaran itu sah dan dibuat oleh pegawai yang telah diberi kuasa.

#### **29.3.4 Pengurusan Perolehan Melalui Pesanan Tempatan**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 176.1 (b), Pesanan Tempatan mestilah ditandatangani hanya oleh Pegawai yang diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh Pegawai Pengawal. Borang Pesanan Tempatan pula hendaklah diisi pada masa barang dipesan. Semakan Audit terhadap pengurusan perolehan melalui pesanan tempatan mendapati perkara berikut:

- a) Perbadanan tidak memberi perwakilan kuasa secara bertulis kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk menandatangani borang Pesanan Tempatan.
- b) Borang pesanan tempatan hendaklah disediakan dalam tiga salinan dan pendua dihantar kepada pembekal. Salinan peniga hendaklah ditinggalkan dalam buku pesanan tempatan. Pemeriksaan Audit mendapati buku Pesanan Tempatan telah diceraikan dalam bentuk helaian untuk ditaip. Salinan peniga dan pengempat Pesanan Tempatan telah disimpan dalam fail secara teratur mengikut nombor siri. Selain itu didapati juga Pesanan Tempatan tidak dikeluarkan secara bersiri.
- c) Perolehan melalui Pesanan Tempatan yang diamalkan oleh Perbadanan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan. Adalah didapati kesemua 30 pesanan tempatan yang disemak tidak dikeluarkan secara bersiri. Pesanan tempatan telah dikeluarkan selepas bil diterima dan tarikh kelulusan pesanan tempatan telah diubah suai mengikut tarikh bil diterima. Pihak Audit juga mendapati 5 bil berjumlah RM10,198 telah diterima tetapi belum dikeluarkan Pesanan Tempatan.

#### **29.3.5 Pengurusan Pembayaran**

##### **a) Surat Kuasa Menandatangani Baucar**

Arahan Perbendaharaan 101, membenarkan Pegawai Pengawal mewakilkan kuasa secara bertulis kepada pegawai yang dipertanggungjawabkan bagi menandatangani baucar bayaran. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah Perbadanan masih belum melaksanakan penurunan kuasa secara bertulis kepada pegawainya yang meluluskan bayaran. Surat kuasa berkenaan hendaklah dikeluarkan sebagai satu langkah kawalan supaya sesuatu pembayaran itu adalah sah dan dibuat oleh pegawai yang telah diberi kuasa sahaja.

**b) Surat Kuasa Menandatangani Cek**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 54, sebarang perwakilan kuasa melaksanakan kewajipan kewangan perlu dibuat dengan arahan bertulis. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah melalui mesyuarat bil 1/2004 bertarikh 8 Julai 2004 telah menetapkan pegawai yang berkuasa menandatangani cek, bilangan penandatangan serta had kuasa bagi setiap pembayaran di bawah RM25,000, antara RM25,000 hingga RM100,000 dan melebihi RM100,000. Bagaimanapun tiada surat kuasa bertulis dikeluarkan bagi pelaksanaan kewajipan kewangan tersebut.

**c) Daftar Bil**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 103, bil yang diterima hendaklah dibayar tidak lewat dari tempoh 1 bulan. Bagi mematuhi peraturan ini Ketua Jabatan hendaklah menyelenggara Daftar Bil. Semakan Audit mendapati Perbadanan ada menyelenggara Daftar Bil. Bagaimanapun beberapa kelemahan telah diperhatikan seperti berikut:

- i) Ruangan tarikh bil diterima oleh pihak yang menerima barang, tarikh bil diperakui oleh pihak yang menerima barang dan tarikh bil diterima oleh Bahagian Kewangan tidak diisi dengan jelas dan konsisten;
- ii) Setiap bil yang diterima tidak dicop tarikh terimaannya bagi membolehkan kawalan terhadap pembayaran dilaksanakan; dan
- iii) Perbadanan lewat membayar bil yang diterima. Sehingga Oktober 2005, didapati sebanyak 88 bil di antara bulan Jun hingga September 2005 berjumlah RM32,469 masih belum dijelaskan. Tempoh kelewatan bayaran bil adalah di antara 1 bulan hingga 4 bulan.

**29.3.6 Panjar Wang Runcit**

Arahan Perbendaharaan 111(a) hingga 113(f) menetapkan peraturan mengenai penyelenggaraan panjar wang runcit. Pemeriksaan mengejut terhadap Panjar Wang Runcit telah dilaksanakan dan didapati wang tunai yang dipegang oleh pegawai bertanggungjawab telah disimpan dengan selamat. Semakan Audit mendapati Perbadanan kerap membuat rekutan kerana perbelanjaan menggunakan wang panjar adalah tinggi.

**Secara keseluruhannya, kawalan perbelanjaan Perbadanan adalah kurang memuaskan. Peraturan kewangan berkaitan kawalan perbelanjaan perlu dipatuhi bagi memastikan perbelanjaan yang dibuat tidak melebihi peruntukan yang diluluskan.**

#### **29.4 PENGURUSAN PELABURAN**

Pada tahun 2005 Perbadanan mempunyai pelaburan di dalam 2 buah syarikat subsidiari berjumlah RM152,002. Selain itu Perbadanan juga ada membuat pelaburan berbentuk Simpanan Tetap. Pada tahun 2005, Perbadanan telah menyimpan sejumlah RM500,000 sebagai simpanan tetap dengan tempoh matang antara 1 hingga 3 bulan. Bagaimanapun, kesemua pelaburan ini telah dicairkan pada akhir tahun tersebut. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan pelaburan mendapat rekod mengenai pelaburan ada diselenggarakan oleh Perbadanan dan sijil pelaburan disimpan dengan selamat dalam peti besi. Perbadanan tidak menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan untuk mengendalikannya tetapi perbincangan dan kelulusan mengenai pelaburan telah dibuat di peringkat Lembaga Pengarah. Menurut Seksyen 14 dan Seksyen 28, Enakmen Perbadanan, semua pelaburan tersebut adalah dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kelulusan tersebut telah diperolehi.

**Pada pandangan Audit pengurusan pelaburan oleh Perbadanan adalah memuaskan.**

#### **29.5 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT**

Kumpulan Wang Amanah yang telah diwujudkan di Perbadanan adalah Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan manakala Akaun Deposit adalah bagi sewaan gerai. Semakan Audit terhadap rekod Kumpulan Wang Amanah dan Deposit mendapat perkara seperti berikut:

##### **29.5.1 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan**

Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan telah diluluskan penubuhannya melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 1995 dengan peruntukan berjumlah RM25,000. Semakan Audit mendapat sehingga akhir tahun 2005 jumlah peruntukan kumpulan wang ini telah meningkat kepada RM40,000 dan turut digunakan untuk membiayai pinjaman komputer pegawai. Bagaimanapun kelulusan mengenai pembiayaan pinjaman komputer menggunakan kumpulan wang ini tidak diperolehi.

### **29.5.2 Rekod Bayaran Balik**

Perbadanan telah menyelenggara rekod berkaitan pinjaman secara manual dengan penyediaan daftar pinjaman dan lejar individu berserta maklumat yang lengkap seperti jenis pinjaman, amaun pinjaman, tempoh bayaran balik dan ansuran bulanan. Perbadanan juga telah menggunakan sistem UBS bagi catatan perakaunan pinjaman kenderaan dan komputer. Semakan Audit mendapati kedudukan bayaran balik pinjaman adalah teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan.

### **29.5.3 Deposit Bagi Sewaan Gerai**

#### **a) Daftar Deposit**

Daftar Deposit secara manual ada disenggarakan. Walau bagaimanapun maklumat seperti amaun deposit, nombor serta tarikh resit tidak dicatatkan dalam daftar tersebut. Adalah dicadangkan satu daftar deposit yang lebih teratur disediakan bagi mengawal kedudukan jumlah deposit terkini. Maklumat yang perlu dicatatkan adalah tarikh, nama pendeposit, alamat gerai, nombor resit dan tarikh resit, amaun, nombor baucar bayaran dan tarikh, amaun, baki dan tandatangan pegawai bertanggungjawab membuat pengesahan.

#### **b) Lejer Deposit Individu**

Menurut Arahan Perbendaharaan 156 sekiranya bilangan deposit yang sama jenisnya diterima, rekod kecil antaranya lejer deposit hendaklah disenggara bagi semua deposit. Semakan Audit mendapati Perbadanan masih tidak menyediakan lejer deposit bagi setiap individu sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan. Lejer deposit individu perlu disediakan supaya setiap terimaan deposit dan bayaran balik dapat dirujuk dan disemak dengan mudah.

### **29.5.4 Pemulangan Deposit**

Arahan Perbendaharaan 158 (a) menetapkan bahawa Pegawai Pengawal hendaklah berpuas hati dengan merujuk kepada lejer deposit bagi memastikan deposit yang hendak dipulangkan diberi kepada penerima yang berhak sahaja dan amaun deposit tersebut sebenarnya masih ada. Arahan Perbendaharaan 158(b) pula menetapkan resit asal hendaklah dikembarkan bersama baucar bayaran dan sekiranya resit asal hilang, surat sumpah hendaklah dikemukakan. Semakan Audit mendapati deposit dipulangkan oleh Perbadanan dengan hanya melampirkan surat tuntutan daripada penerima deposit tanpa resit asal atau surat sumpah.

#### **29.5.5 Pelarasan Deposit Ke Hasil**

Arahan Perbendaharaan 158(a) juga menetapkan bahawa pegawai yang memperakui sesuatu Perintah Pindah atau Baucar Jurnal bertanggungjawab atas pemulangan deposit. Merujuk kepada senarai baki deposit sehingga 30 September 2005, sejumlah RM8,500 telah dilaraskan ke akaun hasil bagi mengurangkan sewa yang tertunggak. Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak menyediakan Baucar Jurnal bagi transaksi pelarasan ke hasil tersebut.

### **29.6 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI**

Pada tahun 2005, Perbadanan telah membelanjakan sejumlah RM124,459 bagi perolehan harta modal. Harta modal tersebut adalah terdiri daripada artifak/barang pameran, kenderaan, komputer, mesin pejabat dan pelbagai kelengkapan pejabat. Pemeriksaan Audit mendapati Perbadanan telah mematuhi kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991. Bagaimanapun pengauditan mendapati beberapa perkara seperti berikut telah diperhatikan:

#### **29.6.1 Perolehan Replika Kapal**

Perbadanan telah membelanjakan sejumlah RM49,950 bagi perbelanjaan kerja pembinaan dan bekalan 2 buah bot replika sempena Program Sambutan 30 tahun hubungan Malaysia dengan Republik Rakyat China dan 600 tahun Ekspedisi Zheng He. Semakan Audit mendapati perbelanjaan tersebut adalah bagi penyewaan, pembinaan dan baik pulih 2 buah bot tersebut tetapi telah tersalah diambil kira sebagai aset Perbadanan. Bot tersebut tidak boleh dipermodalkan kerana bot tersebut hanya disewa dan perlu dipulangkan kepada syarikat pembekal.

#### **29.6.2 Pemeriksaan Terhadap Harta Modal**

Perenggan 238 Tatacara Pengurusan Stor memerlukan Ketua Jabatan membuat pemeriksaan terhadap harta modal berkenaan minima sekali dalam tempoh 2 tahun. Pemeriksaan ini penting bagi memastikan kewujudan harta dan bagi mengesahkan harta berkenaan berada dalam kawalan Perbadanan. Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak melaksanakan pemeriksaan harta modal mengikut peraturan yang ditetapkan.

#### **29.6.3 Perolehan Dari Pembekal**

Perbadanan telah membuat perolehan barang artifak berjumlah RM139,000 dan penerimaan artifak tersebut telah diperakui oleh Perbadanan. Perenggan 48 Tatacara

Pengurusan Stor menghendaki pegawai penerima menyemak dokumen sokongan bagi mengesahkan bilangan sebenar barang yang diterima. Semakan fizikal terhadap barang artifak tersebut menunjukkan Perbadanan tidak menerima semua barang tetapi pembayaran sepenuhnya telah dibuat. Perkara ini adalah menyalahi peraturan kewangan seperti Seksyen 18(c) Akta Acara Kewangan yang boleh dikenakan tindakan surcaj. Maklumat lanjut mengenai barang artifak yang telah dibayar tetapi belum diterima adalah seperti di **Jadual 27** berikut.

**Jadual 27**  
**Barangan Artifak Yang Masih Belum Diterima**

Bil.	Jenis Barang Artifak	Bilangan Yang Telah Di Sahkan Terimaan Oleh Perbadanan	Semakan Fizikal Barang Yang Diterima	Barang Artifak Yang Masih Belum Diterima	
				Bilangan	(RM)
1.	Cop Mohor Raja-raja Melayu	35	21	14	32,280
2.	Kain Batik Motif Pelbagai Daerah	24	17	7	3,792
<b>Jumlah</b>		<b>59</b>	<b>38</b>	<b>21</b>	<b>36,072</b>

Sumber : Rekod Perbadanan

#### **29.6.4 Keselamatan Penyimpanan Barang Artifak**

Barangan artifak adalah aset Perbadanan yang mempunyai nilai yang tinggi dan merupakan barang pameran Muzium. Menurut Perenggan 146 Tatacara Pengurusan Stor barang yang berharga dan menarik hendaklah disimpan dalam almari atau bilik berkunci. Pihak Audit telah membuat semakan fizikal terhadap barang artifak untuk Muzium Dunia Melayu Dunia Islam. Barangan artifak ini telah disimpan terlebih dahulu di dalam bilik di Bahagian Unit Harta. Semakan Audit mendapati bilik penyimpanan tersebut tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan yang sewajarnya. Antaranya bilik tersebut tidak dikunci, tingkap bilik tidak dipasang jeriji besi dan para pekerjanya bebas keluar masuk tanpa kawalan.

#### **29.6.5 Pendokumentasian Artifak/Bahan Pameran Muzium**

Perbadanan telah mengambil inisiatif untuk menyediakan daftar khusus secara berasingan bagi barangan artifak/bahan pameran muzium. Segala perolehan artifak / bahan pameran akan didaftarkan dalam Borang Daftar Perolehan (Peng. Harta 0001 A) dan gambar setiap artifak akan dilekatkan dibelakang borang tersebut. Semakan Audit mendapati proses menyediakan Borang Daftar Perolehan masih dalam peringkat

pengemaskinian dan Perbadanan juga sedang berusaha untuk meningkatkan mutu tanda pengenalan pada barang tersebut.

#### **29.6.6 Pengurusan Kenderaan**

Perbadanan mempunyai 5 buah kenderaan yang mana terdiri daripada 4 buah kereta dan sebuah motosikal. Kenderaan ini digunakan oleh Perbadanan untuk menjalankan aktiviti hariannya. Mengikut peraturan yang ditetapkan, semua rekod serta buku log kenderaan perlu disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit terhadap buku log dan dokumen lain yang berkaitan mendapati perkara yang berikut:

##### **a) Buku Log Kenderaan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menghendaki buku log disediakan, disemak dan ditandatangani. Tujuan arahan ini adalah sebagai langkah kawalan penggunaan kenderaan Perbadanan dengan merekodkan butiran penggunaan kenderaan seperti tujuan, jarak perjalanan, pegawai yang mengguna dan pegawai yang memberi kuasa serta butiran penggunaan minyak setiap bulan. Semakan Audit mendapati Perbadanan telah menyenggara buku log bagi 4 buah kenderaan tetapi ia tidak diselenggara dengan memuaskan manakala sebuah kenderaan tidak disediakan buku log. Antara maklumat yang tidak direkodkan adalah butiran kenderaan, jadual penyelenggaraan, jadual pemberian, rekod tayar dan cerakinan penggunaan bahan api setiap bulan. Selain itu tandatangan pegawai yang memberi kuasa dan tandatangan pegawai yang mengguna kenderaan tidak dibuat dan salinan pertama buku log kenderaan juga belum disemak oleh Ketua Jabatan.

##### **b) Rekod Pergerakan Kad Inden**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, perenggan 7.4 menghendaki Pegawai Kenderaan menyediakan buku rekod pergerakan kad inden minyak yang mengandungi butiran seperti tarikh kad diambil atau dikembalikan, tandatangan pegawai yang memberi atau pemandu atau penerima kad serta kuantiti dan kos minyak. Semakan Audit mendapati buku rekod ini belum disenggarakan oleh Perbadanan.

**Pihak Audit berpendapat pengurusan aset dan inventori Perbadanan masih kurang memuaskan. Rekod perlu disenggara dengan kemas kini dan sistem kawalan yang cekap dan berkesan perlu diwujudkan bagi menjamin keselamatan aset Perbadanan.**

### **30. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Perbadanan adalah kurang memuaskan. Pematuhan sepenuhnya terhadap peraturan kewangan yang ditetapkan dapat membantu Perbadanan berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Pembahagian tugas yang jelas, panduan kerja yang teratur dan kakitangan yang mencukupi berbanding bebanan kerja adalah merupakan faktor yang menyumbang kepada kecekapan dan keberkesanan aktiviti yang dijalankan. Selain itu, tindakan mempertingkatkan sistem penyeliaan, pemantauan dan susulan terhadap pengurusan kewangan perlu dilaksanakan bagi mewujudkan satu sistem kawalan dalaman yang berkesan.

**BAHAGIAN IV**  
**PERKARA AM**

### **31. PENDAHULUAN**

Semakan semula telah dibuat terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004 dan yang masih belum selesai untuk menentukan sama ada tindakan susulan yang sewajarnya telah diambil oleh pihak yang berkenaan untuk mengatasi kelemahan yang dilaporkan. Selain itu, bahagian ini juga turut melaporkan mengenai pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kunci Kira-kira Wang Negeri.

### **32. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2004**

#### **32.1 PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN DAN AGENSI NEGERI**

Pada tahun 2004, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka, Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka, Jabatan Kerja Raya Daerah Jasin dan Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka. Antara kelemahan yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- a) Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja belum disediakan dan tidak kemas kini;
- b) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun tidak bermesyuarat dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- c) Semakan harian terhadap Buku Tunai Cerakinan dan resit tidak dibuat;
- d) Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga tidak dilakukan;
- e) Akaun Tunai dan Penyata Penyesuaian Hasil lewat dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri;
- f) Buku Vot tidak disemak oleh Pegawai Penyelia;
- g) Penyata Penyesuaian Perbelanjaan tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini;
- h) Daftar Bil tidak diselenggara dengan kemas kini serta tidak disemak oleh Ketua Jabatan atau wakilnya;
- i) Pengurusan harta modal dan inventori tidak memuaskan. Harta modal dan inventori tidak daftarkan dalam kad harta modal dan inventori. Daftar harta modal dan inventori tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Nombor siri pendaftaran tidak dilekatkan pada aset dan pemeriksaan fizikal terhadap harta modal dan inventori juga tidak dijalankan;
- j) Buku Log kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini;
- k) Daftar Borang Hasil belum disediakan bagi merekod stok buku resit;
- l) Catatan di Buku Tunai tidak direkod mengikut susunan urusan;

- m) Baucar Bayaran lewat disediakan melebihi tempoh 30 hari dari tarikh bil diterima; dan
- n) Bayaran balik pinjaman bagi kakitangan kontrak yang telah menamatkan perkhidmatan tidak dituntut.

### **Kedudukan Masa kini**

Tindakan telah diambil untuk mengatasi sebahagian daripada kelemahan yang dibangkitkan. Tindakan telah dan sedang diambil untuk menyelenggara, mengemas kini dan memperbaiki semua rekod kewangan dengan lebih berkesan. Aspek kelemahan berhubung pengurusan kewangan serta langkah pembetulan telah dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun di peringkat Jabatan dan Agensi. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang masih belum diambil tindakan oleh Jabatan antaranya penggunaan Daftar Borang Hasil, penyediaan Daftar Kawalan Harta Modal dan pemeriksaan fizikal harta modal tidak dilakukan.

### **32.2 PEJABAT DAERAH DAN TANAH JASIN: PENGURUSAN PENGAMBILAN TANAH**

Akta Pengambilan Tanah 1960 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri membuat pengambilan tanah bagi tujuan awam, kemajuan ekonomi dan perlombongan, kediaman, pertanian, perdagangan, perindustrian serta rekreasi bagi permohonan daripada Kerajaan, perbadanan, syarikat dan orang perseorangan. Dalam memproses permohonan, wang proses dan deposit pampasan tanah perlu dijelaskan manakala dokumen sokongan dilengkapkan bagi memudahkan pemprosesan. Tindakan memproses permohonan yang tidak lengkap telah menjasikan kelancaran pemprosesan permohonan pengambilan tanah kerana faktor masa yang lama perlu diperuntukkan bagi mendapatkan dokumen yang lengkap daripada pemohon. Pejabat Tanah juga masih belum memungut sejumlah RM353,000 daripada 5 pemohon walaupun permohonan telah diproses sejak tahun 1999. Tempoh memproses permohonan sehingga selesai juga masih belum ditetapkan dengan jelas. Sebanyak 9 permohonan pengambilan tanah yang diterima sejak tahun 1999 masih diproses dan berlarutan antara 22 hingga 64 bulan berikutnya kegagalan pemohon menjelaskan deposit pampasan, bayaran proses permohonan dan kegagalan mengemukakan dokumen permohonan dengan lengkap. Selain itu, sejumlah 2 permohonan pengambilan tanah telah dikenakan deposit pampasan tidak mengikut kadar yang ditetapkan manakala sejumlah 6 permohonan masih belum menjelaskan deposit pampasan berjumlah RM7.12 juta. Di samping itu juga, Perbadanan Tanah Adat Melaka (Perbadanan) yang melaksanakan Projek Perumahan Awam Kos Rendah Merlimau IV dan Air Merbau masih belum menjelaskan sejumlah RM513,890 yang meliputi bayaran pampasan tambahan serta faedah akibat kelewatan menjelaskan pampasan kepada pihak yang berkepentingan. Faedah 8% setahun bagi pampasan tanah yang perintah mahkamah telah dikeluarkan oleh mahkamah pada bulan Mac 2000 akan terus meningkat sehingga agensi berkenaan berupaya menjelaskannya.

## **Kedudukan Masa Kini**

Pejabat Tanah dan Daerah Jasin telah mengambil beberapa langkah untuk mempertingkatkan lagi pengurusan pengambilan tanah dengan cara berikut:

- a) Pejabat Tanah telah mengambil tindakan dengan membatalkan permohonan pengambilan tanah bagi 5 pemohon yang mengemukakan permohonan pada tahun 1999.
- b) Tempoh memproses pengambilan tanah bermula dari permohonan diterima sehingga kelulusan MMKN telah ditetapkan iaitu selama 12 bulan. Pejabat Tanah juga telah mengambil tindakan membatalkan kesemua 9 permohonan pengambilan yang gagal menjelaskan deposit pampasan tanah serta wang proses dan dokumen sokongan yang tidak lengkap sewaktu mengemukakan permohonan.
- c) Pejabat Tanah telah menuntut sejumlah RM1,100 yang merupakan baki bayaran deposit pampasan bagi pembinaan tapak pasar baru Umbai lanjutan kesilapan pengiraan oleh kakitangan Pejabat Tanah. Bagaimanapun bagi satu lagi permohonan bercampur daripada Majlis Daerah Jasin bagi tujuan tapak pembinaan pasar dan pembangunan bercampur juga telah dibatalkan oleh Pejabat Tanah.
- d) Bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah Merlimau IV dan Air Merbau, bayaran pampasan tambahan serta faedah berjumlah RM513,890 kepada 2 pemilik tanah masih belum dijelaskan sehingga tarikh laporan ini disediakan.

### **32.3 YAYASAN MELAKA:**

#### **PENGURUSAN PELABURAN YAYASAN MELAKA**

Yayasan telah mula membuat pelaburan sebagai usaha mencari sumber kewangan bagi membiayai aktivitinya. Antara aktiviti pelaburan yang dilaksanakan oleh Yayasan adalah pelaburan dalam simpanan tetap, pelaburan dalam saham tersiar harga, pelaburan harta tanah dan pelaburan modal dalam syarikat yang menjalankan pelbagai aktiviti antaranya perladangan, pendidikan, mata wang dinar, pembangunan harta tanah, percetakan dan perindustrian kuari.

Dalam menjalankan aktiviti pelaburan Yayasan tidak menyediakan pelan strategik secara khusus bagi kesemua aktiviti pelaburan. Bagaimanapun, Yayasan ada membuat peruntukan pelaburan bagi pembangunan tanah dan pelaburan saham menerusi bajet tahunan. Yayasan ada menyediakan Manual Prosedur Kerja mengikut keperluan Sijil MS ISO bagi pelaburan harta tanah manakala bagi pengurusan pelaburan saham tersiar harga Yayasan telah mengikut Garis Panduan Pelaburan Saham Negeri Melaka. Walau bagaimanapun Yayasan tidak mengeluarkan peraturan atau garis panduan khusus mengenai pelaburan saham tidak tersiar harga. Yayasan telah menceburi pelaburan harta tanah dengan melaksanakan pembangunan tanah secara penswastaan dan usaha sendiri. Semakan terhadap 5 projek pembangunan tanah yang dibangunkan secara penswastaan mendapati beberapa perkara penting seperti kos pengambilan tanah, harga

penilaian semasa, pulangan balik dan lain-lain kos yang berkaitan tidak diambil kira secara jelas dalam rundingan harga penswastaan. Yayasan juga telah menerima pulangan dalam bentuk tunai dan pemberian unit bangunan yang dibangunkan. Pulangan dalam bentuk aset yang diterima bagi 4 projek yang disemak melebihi 60% dan sehingga akhir tahun 2004 bilangan unit bangunan yang telah dijual hanya 71 daripada keseluruhan 421 unit bangunan yang diterima. Yayasan juga memperolehi pendapatan dengan penyewaan hartanah yang terdiri dari sewa bangunan, rumah kediaman, rumah kedai dan tapak perusahaan kuari. Yayasan masih belum menyediakan perjanjian penyewaan bagi 3 bangunan yang telah pun disewakan. Tunggakan hasil penyewaan sehingga akhir tahun 2004 berjumlah RM4 juta. Bagi pelaburan saham tersiar harga, Yayasan ada mendapatkan nasihat daripada penasihat profesional daripada syarikat broker tetapi minit mesyuarat mengenai rundingan tidak disediakan. Yayasan juga ada membuat pelaburan dalam saham papan kedua yang bertentangan dengan Garis Panduan Pelaburan Saham Negeri Melaka. Prestasi pelaburan dalam saham tidak tersiar harga meliputi pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat tidak bersekutu adalah kurang memuaskan. Bagaimanapun mulai tahun 2002, Yayasan telah mengambil langkah untuk menilai semula kedudukan syarikat subsidiari dan bersekutu dan tindakan sedang diambil bagi meningkatkan kawalan dan pemantauan aktiviti yang dijalankan termasuk mengenakan syarat dan terma sebelum pemberian pendahuluan diluluskan.

### **Kedudukan Masa Kini**

Yayasan telah mengambil beberapa tindakan bagi mempertingkatkan pengurusan pelaburan. Yayasan masih belum menyediakan pelan strategik secara khusus bagi semua aktiviti pelaburan. Bagaimanapun Yayasan telah menyediakan pelan strategik jangka pendek bagi pelaburan saham untuk tahun 2006 di mana pelaburan di dalam saham tersiar harga yang tidak berdaya maju akan dilupuskan. Yayasan juga telah menyediakan Garis Panduan Pelaburan dan prosedur saham yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada awal tahun 2006. Bagi pembangunan tanah secara penswastaan Yayasan tidak mempunyai garis panduan khusus, bagaimanapun Yayasan menerima pakai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan Negeri, Garis Panduan Permohonan Memajukan Tanah Di Negeri Melaka yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri dan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah. Bagi menjaga kepentingan Yayasan, penambahbaikan telah dibuat dalam perjanjian dengan pemaju dengan memasukkan terma yang melindungi kepentingan Yayasan antaranya kos berkaitan pampasan tanah, bayaran premium tanah dan cukai tanah semasa perlu ditanggung oleh pemaju dan Yayasan selaku tuan tanah berhak membuat pilihan bagi pulangan dalam bentuk aset. Sehingga akhir tahun 2005 status jualan bangunan yang diterima sebagai pulangan daripada 5 projek pembangunan tanah yang disemak telah menunjukkan peningkatan. Bangunan yang masih belum dijual telah berkurangan daripada 34 unit kepada 16 unit manakala 316 unit rumah pangsa tidak dijual tetapi disewakan. Perjanjian penyewaan bagi 2 daripada 3 bangunan yang disewakan iaitu Pusat IT Ayer Keroh dan Rumah Pangsa Taman Bertam Perdana telah pun ditandatangani. Bagaimanapun bagi

bangunan Wisma Negeri ia tidak akan disewakan sebaliknya sedang dalam pertimbangan dan rundingan untuk dijual secara sewa beli. Yayasan tidak lagi membuat pembelian saham daripada papan kedua mulai bulan September 2005. Perbincangan dengan penasihat profesional daripada syarikat broker juga telah disediakan minit mesyuarat. Yayasan juga akan membincangkan laporan bulanan saham tersiar harga termasuk analisis terhadap pembelian, penjualan dan keuntungan saham dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Bagi meningkatkan kawalan dan pemantauan aktiviti yang dijalankan oleh syarikat subsidiari dan bersekutu tindakan yang telah diambil adalah melantik Pengurus Besar sebagai wakil, melaporkan prestasi kewangan serta mengenakan syarat mengenai pemberian dan bayaran balik bagi setiap pendahuluan yang dipohon oleh syarikat subsidiari dan bersekutu.

### **33. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI**

Semakan semula terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lepas menunjukkan tiada perkara berbangkit yang masih belum diambil tindakan oleh Jabatan/Agenzi yang diaudit.

### **34. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DAN AKTIVITI JABATAN**

Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2004 telah dibentangkan pada bulan September 2005.

### **35. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI**

Pada tahun 2005, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam telah bersidang 3 kali untuk membincangkan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003 dan 2004. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat kerajaan dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh ketua-Ketua Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri. Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri mengenai Laporan Audit Negara tahun 2003 dan 2004 telah dibentangkan seperti dikehendaki dalam dewan Undangan Negeri yang diadakan pada bulan Oktober 2005. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa sebelum laporan Jawatankuasa mengenainya dibentangkan adalah seperti di **Jadual 28**.

**Jadual 28**  
**Mesyuarat Dan Perbincangan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri**  
**Pada Tahun 2005**

Tarikh	Jabatan/Agenzi	Perkara
15 Julai 2005	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	1. Kurang kakitangan melakukan tugas mengurus pengeluaran bahan batuan (Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003) 2. Kelewatan proses kelulusan bahan batuan. (Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003)
	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Daerah Jasin dan Majlis Perbandaran Alor Gajah	1. Peningkatan tunggakan kutipan cukai taksiran. (Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003)
	Perbadanan Tanah Adat Melaka (PERTAM)	1. Pinjaman PERTAM yang perlu dibayar balik. (Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003)
	Majlis Daerah Jasin	1. Projek Penswastaan Bandar Baru Jasin III. (Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003)
26 September 2005	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Daerah Jasin, Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Perbadanan Tanah Adat Melaka (PERTAM)	1. Membincangkan syor PAC untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.
27 Disember 2005		1. Membincangkan pemilihan perenggan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004 untuk meminta penjelasan Ketua Jabatan.

Sumber : Rekod Jabatan Audit

## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya ada kemajuan dalam pengurusan kewangan Kerajaan Negeri Melaka di mana tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagaimanapun, masih wujud kelemahan dari aspek kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset di peringkat Pusat Tanggungjawab.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan dalam pengurusan kewangan ialah kekurangan latihan, kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang terhad, ketiadaan penyeliaan yang rapi dan kelemahan penyelenggaraan rekod.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**2 Ogos 2006**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI MELAKA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada 31 Disember 2005 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka tahun 2005.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ambrin".

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia.**


**Putrajaya**

**2 Ogos 2006**

**Lembaran Imbangan**  
seperti pada 31 Disember 2005

Penyata	Nota	2005 RM	2004 RM
<b>WANG AWAM</b>			
A WANGTUNAI	1	42,425,373.97	72,086,197.47
B PELABURAN	2	<u>160,308,138.14</u> <u>202,733,512.11</u>	<u>149,680,978.97</u> <u>221,767,176.44</u>
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULANWANG DISATUKAN</b>			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	3	20,430,147.72	12,480,788.22
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	4	174,815.26	13,043,823.40
E AKAUN AMANAH DISATUKAN	5	<u>182,128,549.13</u> <u>202,733,512.11</u>	<u>196,242,564.82</u> <u>221,767,176.44</u>

*Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan*

  
(DATUK KAMARULZAMAN BIN MD. ISA)  
PEGAWAI KEWANGAN  
NEGERI MELAKA

  
(KAMAL BAHRI BIN HJ. RAMLI)  
BENDAHARI NEGERI  
MELAKA

**Penyata Akaun Memorandum**

seperti pada 31 Disember 2005

Penyata	Nota	2005	2004
	RM	RM	
<b>F ASET</b>			
1 Pinjaman Boleh Dituntut		852,273,166.03	821,299,044.94
2 Pelaburan		12,798,032.09	7,495,000.38
3 Tunggakan Hasil		60,364,861.84	47,984,240.74
 <b>G TANGGUNGAN</b>			
1 Hutang Awam		1,030,518,522.26	978,378,264.05

*Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan*

  
(DATUK KAMARUL ZAMAN BIN MD. ISA)  
PEGAWAI KEWANGAN  
NEGERI MELAKA

  
(KAMAL BAHRI BIN H.J. RAMLI)  
BENDAHARI NEGERI  
MELAKA

**C Penyata Akaun Hasil Disatukan  
seperti tahun berakhir 31 Disember 2005**

Perihal	2005			2004		
	Bajet	Sebenar		Sebenar		
	RM	RM	% Belanjawan	RM	% Belanjawan	
<i>BAKI PADA 1 JANUARI</i>		12,480,788.22		9,656,562.40		
<b>I HASIL</b>						
Hasil Cukai	63,852,373.00	50,250,928.00	78.70	47,379,877.43	86.00	
Hasil Bukan Cukai	130,240,930.00	111,646,287.70	85.72	113,362,259.42	82.59	
Terimaan Bukan Hasil	93,309,047.00	89,005,818.78	95.39	105,528,930.94	124.80	
<i>Jumlah Hasil</i>	287,402,350.00	250,903,034.48	87.30	266,271,067.79	96.16	
<b>II PERBELANJAAN MENGURUS</b>						
Emolumen	45,480,680.00	48,682,922.98	107.04	45,962,903.24	97.11	
Perkhidmatan dan Bekalan	66,137,690.00	63,575,544.13	96.13	35,598,570.49	93.25	
Aset	3,970,450.00	5,116,978.33	128.88	6,326,498.25	91.04	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	170,201,720.00	124,484,959.33	73.14	174,806,559.67	83.82	
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,157,710.00	1,093,270.21	94.43	752,310.32	98.35	
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus</i>	286,948,250.00	242,953,674.98	84.67	263,446,841.97	87.30	
<i>Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun (I-II)</i>	454,100.00	7,949,359.50		2,824,225.82		
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		20,430,147.72		12,480,788.22		

Butir Lanjut: Penyata C1 dan C2